LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2009



Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

1 Malaysia

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

Bangsa Membaca Bangsa Berjaya

ISSN: 2180-3293

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2009

I S I K A N D U N G A N

Prakata Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia 01

Statistik Aktiviti Program Galakan Membaca 2009 02

Program Sehari Bersama Angkasawan Negara 04

Smart Kids 06

Program Membaca Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 08

Bacalah Manjaku 10



Program Membaca Sempena Program Merakyatkan Seni Budaya 12


Forum Perdana Ehwal Islam : 1Malaysia Bangsa Membaca Bangsa Berjaya 14

Karnival Membaca 1Malaysia Sempena Perasmian Perpustakaan Desa 16

Pelancaran Kumpulan Cerpen *Kathakali* 18

Program Membaca 1Malaysia : "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" 20

Segandingan Kita Membaca 1Malaysia : *Aram Kitai Macha 1Malaysia* 22



Sambutan Hari Kanak-kanak 1Malaysia 24

Konvensyen Perpustakaan Desa 2009 26

Program Galakan Membaca Peringkat Perpustakaan Awam Negeri 28

Program Galakan Membaca Peringkat Perpustakaan Desa 30

Program Galakan Membaca Peringkat Institusi Pendidikan 32

Program Galakan Membaca Peringkat Kementerian / Jabatan / Agensi 34



PRAKATA
KETUA PENGARAH
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1Malaysia,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada urus setia yang telah berusaha untuk menyediakan Laporan Program Galakan Membaca 2009. Melihat kepada statistik program galakan membaca pada tahun 2009, terdapat peningkatan dari segi jumlah aktiviti yang dianjurkan jika dibandingkan pada tahun sebelumnya. Ini memberi gambaran jelas mengenai sokongan yang menggalakkan daripada pelbagai sektor di serata tanah air terhadap penganjuran program-program galakan membaca.

Program Galakan Membaca yang telah dilaksanakan sepanjang tahun bertujuan menarik perhatian umum betapa pentingnya amalan membaca diamalkan sebagai tuntutan salah satu kaedah pembelajaran sepanjang hayat. Program-program galakan membaca yang dilaksanakan secara meluas perlu dilihat sebagai satu usaha serius pihak berwajib dalam mendepani cabaran menyediakan modal insan terbaik dalam kita mengorak langkah ke era globalisasi yang nyata memberi saingan sengit kepada setiap individu. Ilmu pengetahuan berasaskan amalan membaca merupakan satu landasan yang mampu melahirkan kelompok bangsa yang mampu berdikari dan bersedia menempuh dugaan yang mendatang.

Dengan itu besarlah harapan agar laporan ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan rujukan mengenai program galakan membaca yang dianjurkan sepanjang tahun 2009 dan seterusnya dapat melahirkan minat masyarakat Malaysia mengenai kepentingan amalan membaca.

"Bangsa Membaca Bangsa Berjaya"

DATO` RASLIN BIN ABU BAKAR

STATISTIK AKTIVITI PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2009

BIL	NAMA INSTITUSI	JUMLAH AKTIVITI	JUMLAH SASARAN
1	**Agensi Kerajaan / Swasta**		
	1.1 Kementerian / Jabatan / Agensi	41	815
2	**Institut Pengajian**		
	2.1 Sekolah		
	2.1.1 Menengah	42	5 ,660
	2.1.2 Rendah	63	1,450
	2.1.3 Tabika	3	310
	2.2 IPTA		
	2.2.1 Universiti	10	148
	2.2.2 Institut Perguruan	13	Tiada rekod
	2.2.3 Politeknik	23	Tiada rekod
	2.2.4 Kolej / Institusi Kemahiran	28	1,502
	2.3 IPTS		
	2.3.1 Universiti	Tiada rekod	Tiada rekod
	2.3.2 Kolej		
	2.3.3 Institut		
3	**Perpustakaan Awam Negeri**	588	76,049
4	**Perpustakaan Desa**	7,867	75,572
5	**Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)**	120	1.6 j
	Jumlah Keseluruhan	**8,798**	**1.7 j**

DAPATAN STATISTIK AKTIVITI PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2009

JADUAL Statistik Aktiviti Program Galakan Membaca 2009 memaparkan statistik aktiviti galakan membaca yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 dan merentasi pelbagai institusi kerajaan, swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan. Berdasarkan jadual berkenaan, institusi dipecahkan kepada 5 bahagian iaitu Agensi Kerajaan/Swasta, Institut Pengajian, Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Negara Malaysia. Paparan statistik ini diterbitkan adalah berdasarkan penganjuranan program-program galakan membaca yang dilaksanakan dan dilaporkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia selaku Urus Setia Program Galakan Membaca Kebangsaan.

Agensi kerajaan/swasta memperlihatkan sebanyak 41 atau 0.47% aktiviti telah dilaksanakan dan berjaya mendapat seramai 815 peserta yang terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan.

Institut Pengajian yang melaksanakan 2.07% aktiviti galakan membaca dipecahkan kepada 3 kategori. Kategori pertama adalah peringkat sekolah meliputi sekolah menengah, rendah dan tabika dengan 108 aktiviti atau 1.23% dan melibatkan 7,420 peserta. Kategori kedua adalah peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan menyumbangkan 74 aktiviti atau 0.84% dan merekodkan kehadiran seramai 1,650 peserta. Kategori ketiga adalah peringkat Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Berdasarkan laporan, pihak urus setia tidak menerima sebarang laporan berkaitan pelaksanaan program galakan membaca peringkat IPTS sepanjang tahun 2009.

Perpustakaan Awam Negeri seluruh Malaysia merupakan agensi kedua tertinggi melaksanakan aktiviti galakan membaca iaitu sebanyak 588 aktiviti atau 6.68% dan turut menjadi agensi kedua tertinggi dalam penglibatan peserta iaitu seramai 76,049 orang. Jumlah ini merupakan jumlah kolektif daripada semua negeri yang dikumpul oleh urus setia.

Institusi yang paling banyak melaksanakan aktiviti galakan membaca adalah Perpustakaan Desa. Perpustakaan Desa yang diwujudkan sebanyak 1,089 buah di seluruh negara secara kolektif melaksanakan sebanyak 7,867 aktiviti dan menyumbangkan sebanyak 89.42% kadar pelaksanaan. Walau bagaimanapun, penglibatan para peserta menjadi ketiga tertinggi jika dibandingkan dengan Perpustakaan Awam Negeri iaitu seramai 75,572 perserta. Jika dilihat daripada jumlah aktiviti yang tertinggi tetapi tidak tertinggi dalam penglibatan peserta, ini terjadi kerana aktiviti yang dianjurkan di peringkat perpustakaan desa adalah lebih berskala kecil dan melibatkan kumpulan sasaran peserta yang juga dalam kumpulan berskala kecil.

Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2009 telah melaksanakan 120 aktiviti yang meliputi 1.36% kadar pelaksanaan yang dianjurkan di dalam Perpustakaan Negara Malaysia dan juga di kawasan-kawasan luar yang melibatkan kerjasama daripada Perpustakaan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa-jawatankuasa setempat dan pelbagai agensi lain. Dilihat daripada sudut penglibatan kumpulan sasaran pula, Perpustakaan Negara Malaysia menyumbang statistik tertinggi dalam penglibatan peserta iaitu sebanyak 1.6 juta orang ataupun 94.12% daripada jumlah keseluruhan peserta aktiviti galakan membaca. Walaupun jumlah aktiviti 79.59% lebih rendah jika dibandingkan dengan Perpustakaan Awam Negeri, jumlah kumpulan sasaran tertinggi dapat dicapai berdasarkan aktiviti galakan membaca yang dianjurkan lebih bersakala besar seperti penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam: 1Malaysia Bangsa Membaca Bangsa Berjaya yang disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Berdasarkan statistik yang diterima, jumlah penonton rancangan ini sahaja adalah berjumlah 1.5 juta penonton yang secara puratanya adalah penyumbang terbesar jumlah penglibatan kumpulan sasaran peserta pada tahun 2009.

Secara rumusannya, sepanjang tahun 2009, aktiviti galakan membaca yang telah dilaksanakan oleh pebagai pihak adalah berjumlah 8,798 aktiviti dan telah berjaya melibatkan 1.7 juta para peserta yang terdiri daripada semua peringkat umur, kaum dan jantina di seluruh Malaysia.

PROGRAM SEHARI BERSAMA ANGKASAWAN NEGARA

PROGRAM Sehari Bersama Angkasawan Negara adalah sebahagian landasan yang digunakan dalam memartabatkan budaya membaca dalam kalangan pelajar. Dalam program ini, Ikon Membaca Kebangsaan, Yang Berbahagia Dato` Dr. Sheikh Muszapha Shukor Al-Masri telah dijemput untuk memberi ceramah motivasi kepada para pelajar dan tetamu yang hadir pada program berkenaan. Dalam ceramah beliau, motivasi meningkatkan kesedaran kepentingan membaca telah diberikan kepada pelajar dan para tetamu yang hadir telah berpeluang untuk mendengar pengalaman beliau semasa berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Dua penganjuran telah dilaksanakan pada 2009 iaitu di Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Melaka dan di Sekolah Kebangsaan Bahagia, Kuala Krai, Kelantan.

A. Program Sehari Bersama Angkasawan Negara di Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Melaka

Program yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan mendapat kerjasama dari Sekolah Menengah Sains Muszaffar Syah Melaka (MOZAC) ini telah dilaksanakan pada 16 Februari 2009. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Encik Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan antara pengisian aktiviti termasuk Mari Membaca Bersama, Persembahan Koir Lagu Membaca, Sesi Motivasi bersama YBhg Dato` Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, Pendaftaran Keahlian Perpustakaan Negara Malaysia serta Kelab Membaca Sinar Pintar, pameran buku oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka dan permainan ilmu seperti Kuiz Angkasa, Gali Kata, Telaga Minda, Langkah Ria, Semarak Jawi, Pantas Jawi dan Teka Silang Kata Jawi. Program dihadiri oleh 1,500 orang yang terdiri daripada:

1. Pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia
2. Pengetua, guru-guru dan para pelajar Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah Melaka
3. Pengarah dan pegawai-pegawai Pejabat Pelajaran Daerah Melaka Tengah
4. Pengetua/wakil dan 40 orang pelajar dari :
   - i. Sekolah Berasrama Penuh Integarasi Selandar
   - ii. SMKA Sharifah Rodziah
   - iii. SMKA Sultan Muhammad
   - iv. SMK Ayer Keroh
   - v. SMK Air Molek
   - vi. SMK Bukit Baru
   - vii. SMK Bukit Katil
   - viii. SMK Munsyi Abdullah
   - ix. SMK Telok Mas
   - x. SMK Tinggi Perempuan Melaka
   - xi. SK Ayer Keroh
   - xii. SK Bukit Beruang
   - xiii. SK Dato` Demang Hussin
   - xiv. SK Jalan Datuk Palembang
5. AJK PIBG Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah Melaka
6. AJK Alumni Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah Melaka

SEKITAR AKTIVITI



YBhg Dato` Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie sewaktu memberi Ceramah Motivasi kepada pelajar dan tetamu yang hadir.



Salah seorang pelajar memberi ulasan buku yang telah dibaca.



Sebahagian kumpulan pelajar ketika sesi Mari Membaca Bersama.



YBhg Ketua Pengarah PNM menyampaikan cenderahati berupa buku kepada YBgh Dato`.Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie.

B. Program Sehari Bersama Angkasawan Negara di Sekolah Kebangsaan Bahagia, Kuala Krai, Kelantan

Program Sehari Bersama Angkasawan Negara siri kedua telah dilaksanakan dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Kota Bharu, Kelantan. Program ini merupakan projek SeDAR (Peningkatan Sekolah Pedalaman, Orang Asli, Sekolah Angkat dan Rintis) yang merupakan satu projek jangka panjang IPGM Kampus Kota Bharu. Program ini dilaksanakan seperti berikut :

Tempat : Sekolah Kebangsaan Bahagia, Kuala Krai, Kelantan
Tarikh : 12 April 2009
Perasmi : YBhg Encik Raslin bin Abu Bakar

Sempena program ini, beberapa aktiviti ilmu dianjurkan termasuk Telaga Minda, Gali Kata, Bina Kata, Pintar Jawi, Permainan Pendidikan, Pendaftaran Kelab Membaca Sinar Pintar, Sesi Mewarna Pra Sekolah dan Gerak Gempur Pelajar Tahun Enam.

Seramai 1200 orang peserta telah hadir ke program ini yang terdiri daripada:

- Guru Besar, guru-guru dan para pelajar Sekolah Kebangsaan Bahagia
- Timbalan Pengarah dan Pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan
- Pengetua, guru-guru dan 70 orang pelajar Sekolah Menengah Agama Sa'adatul Qura, Kampung Bahagia
- Pengetua, seorang guru pengiring dan 5 orang pelajar dari 4 buah sekolah menengah berdekatan iaitu:
  - v Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krai
  - v Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra Satu
  - v Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra Dua
  - v Sekolah Menengah Agama Peria
- Guru besar, seorang guru pengiring dan 5 orang pelajar dari 10 buah sekolah rendah berdekatan iaitu:
  - v Sekolah Kebangsaan Biak
  - v Sekolah Kebangsaan Dabong
  - v Sekolah Kebangsaan Ladang Taku
  - v Sekolah Kebangsaan Sultan Yahya Petra Satu
  - v Sekolah Kebangsaan Sultan Yahya Petra Dua
  - v Sekolah Kebangsaan Banggol Guchil
  - v Sekolah Kebangsaan Kuala Krai
  - v Sekolah Kebangsaan Kuala Nal
  - v Sekolah Kebangsaan Pasir Kelang
  - v Sekolah Kebangsaan Kg. Bedal
- AJK PIBG Sekolah Kebangsaan Bahagia
- Penduduk-penduduk Kampung Bahagia
- Pengurus Kesedar Wilayah Kuala Krai
- Pegawai Operasi Kesedar Kampung Bahagia
- Wakil Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
- Wakil Pengarah Bahagian Pendidikan Guru Kelantan
- Wakil Pengarah Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Krai
- Wakil Ketua Polis Daerah Kuala Krai
- Wakil Bahagian Teknologi Pendidikan
- Ketua-ketua Jabatan IPGM Kampus Kota Bharu
- Pengurusan PNM

SEKITAR AKTIVITI



Ketibaan tetamu kehormat disambut barisan pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Kelantan dan IPGM Kota Bharu.



Ucapan alu-aluan oleh Guru Besar SK Bahagia, Encik Lau Chin Chua.



Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menyampaikan sumbangan bahan bacaan kepada Tokoh Nilam SK Bahagia.



Persembahan Silat Selamat Datang oleh Kumpulan Belia Kg. Bahagia.



Ucapan pengerusi pelaksana oleh Encik Hashim Deraman, Pengarah IPGM Kampus Kota Bharu.



Sumbangan bahan bacaan kepada sekolah yang turut hadir pada program tersebut.



Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menerima tabik hormat daripada Ketua Pasukan Badan Beruniform SK Bahagia



Sehari Bersama Angkasawan Negara Sempena Kempen Membaca di Sekolah Kebangsaan Bahagia dirasmikan dengan jayanya.



Persembahan penutup lagu Budaya Membaca dari Kumpulan Koir SK Bahagia.

SMART KIDS

PROGRAM Smart Kids 2009 merupakan pesta pendidikan kanak-kanak yang terbesar di Malaysia. Program ini adalah anjuran Expomal International Sdn. Bhd., Kementerian Penerangan Malaysia dengan kerjasama Mutiara Sigma (M) Sdn. Bhd. Tawaran daripada Mutiara Sigma Sdn. Bhd. untuk Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyertai program ini dengan pihak swasta adalah suatu usahasama yang baik dalam menyemarakkan Kempen Membaca. Penyertaan ini merupakan penyertaan kali kedua.

Program Smart Kids 2009 pada kali ini memberi fokus terhadap *Opening the doors of opportunity the smart way*. Penekanan terhadap tema ini merupakan landasan yang paling tepat bagi sesebuah syarikat dan jenama khususnya PNM yang mahu menjadi teras kepada pendidikan dan perkembangan kanak-kanak.

Program Smart Kids 2009 telah diadakan selama tiga hari bermula pada 10 April hingga 12 April 2009 (Jumaat, Sabtu dan Ahad) bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). PNM telah menggunakan enam unit gerai pameran yang terletak di Aras 3. Sepanjang tiga hari program ini berlangsung, aktiviti berasaskan ilmu seperti Telaga Minda, Gali Kata, Bina Kata, Pintar Jawi dan Educational Games telah dijalankan dalam suasana yang berkonsepkan perpustakaan keluarga. Disamping itu PNM turut memberi sumbangan buku kepada pengunjung yang mendaftar sebagai ahli Kelab Membaca Sinar Pintar.

Selain itu, *magic show*, persembahan badut kaki panjang dan pendek serta persembahan bercerita juga telah diadakan. Pertunjukkan *magic show* dan persembahan badut telah mendapat sambutan yang memberangsangkan di samping bercerita yang telah diadakan di pentas utama. Persembahan bercerita telah diadakan oleh Atie AF2.

Menerusi penyertaan kedua PNM dalam Program Smart Kids 2009 ini, seramai 1000 orang pengunjung yang terdiri daripada ibu bapa, kanak-kanak, para pendidik, pegawai-pegawai awam dan swasta serta golongan belia telah mengunjungi dan mengikuti aktiviti ilmu yang diadakan di gerai pameran PNM.

Sepanjang tiga hari program ini berlangsung, seramai 171 orang telah mendaftar menjadi ahli baru Perpustakaan Negara Malaysia. Manakala keahlian Kelab Membaca Sinar Pintar adalah seramai 308 orang dan mentor adalah seramai 44 orang. Ini membuktikan bahawa menerusi penglibatan PNM dalam program ini ianya telah berjaya membantu mempromosikan PNM kepada orang ramai. Berdasarkan kepada bilangan pengunjung yang memberangsangkan mengunjungi gerai pameran PNM, adalah wajar pada masa hadapan PNM terus menyertai program ini kerana ianya sesuai dan sejajar dengan usaha PNM untuk memupuk amalan membaca mulai dari kecil lagi.



Sesi ceramah motivasi oleh YBhg Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie.



Para pelajar, guru-guru dan penduduk kampung tidak melepaskan peluang mengikuti ceramah motivasi oleh YBhg Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie.




Warga tua turut tidak melepaskan peluang menghadiri Sehari Bersama Angkasawan Negara Sempena Kempen Membaca di Sekolah Kebangsaan Bahagia.



Para pelajar tidak melepaskan peluang mendaftarkan diri untuk menjadi ahli Kelab Membaca Sinar Pintar.

SEKITAR AKTIVITI



Sekitar Majlis Pelancaran Program Smart Kids 2009



Antara kanak-kanak yang terlibat di dalam Program Smart Kids 2009.



Persembahan Silap mata merupakan aktiviti yang mendapat sambutan terutama dari kanak-kanak.



Badut turut menghiburkan kanak-kanak yang hadir.



Permainan Telaga Minda turut mendapat sambutan daripada ibu bapa.

PROGRAM MEMBACA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2009

PESTA Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 merupakan acara tahunan yang dianjurkan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia. Bagi sesi 2009, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 telah dilaksanakan pada 14-26 April 2009 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Penganjuranan ini memperlihatkan penglibatan 190 institusi termasuk agensi kerajaan, swasta dan juga Badan-badan Bukan Kerajaan. Pelbagai pameran diadakan oleh setiap institusi dalam menggalakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia yang merupakan salah satu agensi yang mengambil bahagian dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 turut tidak ketinggalan mengadakan beberapa aktiviti ilmu untuk memberi kesedaran kepada umum kepentingan membaca sebagai amalan harian. Selain mengadakan pendafataran keahlian Perpustakaan Negara Malaysia, pendaftaran Kelab Membaca Sinar Pintar, Pameran Bahan Nadir, Pameran Perpustakaan Keluarga dan jualan bahan-bahan galakan membaca seperti Video CD serta buku. Perpustakaan Negara Malaysia turut menganjurkan beberapa aktiviti.

Bacaan Kegemaran Saya Bersama Fazli Zainal

Bacaan Kegemaran Saya (BKS) Bersama Fazli Zainal telah diadakan pada 20 April 2009 (Isnin) bermula pada jam 12.00 tengahari hingga 1.00 petang. Pada sesi BKS kali ini artis Fazli Zainal telah membicarakan buku kegemarannya yang bertajuk Misteri Aura & Energi Surah Al-Fatihah karya Khairul Ghazali terbitan Darul Nu'man. Manakala pemudahcara untuk sesi BKS kali ini adalah Puan Samsul Kamariah Hamzah, Penolong Pengarah Kanan, Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM. Seramai 150 tetamu telah menghadiri aktiviti ini dan mereka terdiri daripada para pengunjung PBAKL 09.

Bicarawara Bersama Sayed Munawwar Al-Jamalullail

Bicarawara Bersama Sayed Munawwar Al-Jamalullail merupakan satu program berbentuk *'talk show'* yang melibatkan interaksi secara langsung dengan para penonton. Aktiviti ini telah diadakan selama satu jam pada 21 April 2009 (Selasa) bermula pada 11.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Tuan Sayed Munawwar Al-Jamalullail telah membicarakan mengenai budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia dengan menggunakan pendekatan yang berbeza namun amat menarik perhatian penonton. Ternyata aktiviti ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana seramai 200 orang pengunjung PBAKL 09 yang kebanyakkannya terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan guru-guru telah menyaksikan program ini.

Bacaan Kegemaran Saya Bersama Ketua Program IS220, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara

Bacaan Kegemaran Saya (BKS) Bersama Ketua Program IS220, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara telah diadakan pada 22 April 2009 (Rabu) bermula pada jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Pada sesi BKS kali ini Encik Abdul Rashid Abdul Rahman, Ketua Program IS220, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara telah membicarakan sebuah buku yang bertajuk 7 Formula Individu Cemerlang karya Dr. Danial Zainal Abidin terbitan PTS Publications. Manakala pemudahcara untuk sesi BKS kali ini adalah Encik Shafikullah Hj. Shafiee, Timbalan Pengarah, Bahagian Pemuliharaan, PNM. Seramai 150 tetamu yang terdiri daripada para pengunjung PBAKL 09 telah mengikuti sesi BKS ini.

Bercerita Bersama Kak Atie AF1

Sesi Bercerita Bersama Kak Atie AF 1 telah diadakan pada 26 April 2009 (Sabtu) bermula 2.00 petang hingga 3.00 petang. Aktiviti ini ternyata menarik minat pengunjung cilik dan ibu bapa yang telah bersama-sama dari mula hingga akhir sesi ini. Kak Atie telah menyampai 3 buah cerita iaitu Katak Yang Sombong, Monyet Yang Tamak dan Tikus Yang Bijak. Selain itu Kak Atie turut menyampaikan lagu Ikan Kekek dan dinyanyikan bersama kanak-kanak yang hadir. Seramai 350 pengunjung PBAKL 09 telah menyaksikan sesi bercerita ini.

SEKITAR AKTIVITI



Fazli Zainal sedang membicarakan bacaan kegemaran beliau.



Antara para pelajar yang mengikuti program BKS Bersama Fazli Zainal.



Melalui buku ini, kita boleh belajar bagaimana untuk membina rumah.

BACALAH MANJAKU

PERBADANAN Perpustakaan Awam Negeri (PPAN) Perlis dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan gandingan jaya dengan Institut Pediatrik, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar Perlis untuk mengadakan Program Bacalah Manjaku Bersama Kanak-kanak Klinik Thalasemia yang telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis. Gandingan kerjasama ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang menggalakkan lebih banyak kerjasama dijalinkan dengan agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO). Usaha membudayakan amalam membaca memerlukan penglibatan semua pihak supaya kesedaran orang ramai tentang amalan membaca dapat dipertingkatkan di semua peringkat.

Konsep aktiviti galakan membaca yang dilaksanakan dalam program ini adalah berlandaskan aplikasi kebudayaan dan kesenian dalam terapi. Aplikasi kebudayaan dan kesenian dalam rawatan dan pemulihan pesakit kanak-kanak ini merupakan salah satu kaedah dalam pemulihan pesakit. Aplikasi ini telah lama digunakan oleh hospital-hospital di negara maju seperti Jepun, United Kingdom, Norway, Sweden, Amerika Syarikat dan Perancis.

Objektif program Bacalah Manjaku Bersama Kanak-Kanak Di Klinik Thalasemia, Jabatan Pediatrik, Hospital Tuanku Fauziah adalah seperti berikut:

- Membantu pihak hospital kerajaan menyediakan pelbagai koleksi bahan bacaan untuk kegunaan pesakit yang berada di wad.
- Membantu ibu bapa pesakit mendapat akses kepada bahan bacaan dan beriadah minda melalui membaca semasa mereka berada di wad dan menunggu untuk menerima rawatan
- Menyediakan kemudahan rawatan terapi berkonsepkan kebudayaan dan kesenian menerusi pembacaan dan permainan.
- Memperluaskan perkhidmatan perpustakaan awam kepada golongan yang kurang bernasib baik terutama kanak-kanak yang sedang menjalani rawatan di hospital.

Berikut adalah antara aktiviti yang telah dijalankan:

Sesi Mewarna
Pesakit kanak-kanak Thalasemia telah mengambil bahagian di dalam sesi mewarna.

Permainan Pembelajaran
Kanak-Kanak Thalasemia ini juga diberi pendedahan tentang permainan pembelajaran seperti sahibba, dam dan chess.

Sesi Membuat Kolaj Bijirin
Kanak-kanak Thalasemia terlibat di dalam menghasilkan kolaj bijirin.

Sesi Bercerita
Sesi bercerita telah diadakan oleh Cik Hasliza daripada Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Penyanyi terkenal Nurul turut bercerita kepada kanak-kanak Thalasemia di Klinik Thalasemia tersebut.

Persembahan Boneka
Persembahan boneka oleh Cik Hasliza turut diadakan untuk pesakit-pesakit Thalasemia.

Sumbangan Bahan Bacaan
Perpustakaan Negara Malaysia telah menyumbangkan bahan bacaan kepada Klinik Thalasemia untuk koleksi di sudut bacaan yang baru diwujudkan. Sebanyak 300 buah buku telah disumbangkan termasuk buku cerita, ensaiklopedia, buku fiksyen dan sebagainya. PNM juga telah menyumbang senaskhah buku kepada setiap tetamu yang hadir.

Sumbangan Bahan Permainan
Syarikat Educate To Learn telah berbesar hati menyumbangkan bahan permainan berbentuk pembelajaran mengikut tema kepada Klinik Thalasemia.

SEKITAR AKTIVITI



DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis diiringi oleh Speaker DUN Perlis beserta isteri dan KP PNM.



Pesakit Thalasemia menyampaikan Sajak di majlis tersebut.



YBhg Ketua Pengarah PNM menyampaikan ucapan alu-aluan.



DYMM Tuanku Perempuan Majlis merasmikan Majlis Bacalah Manjaku ini.



DYMM Tuanku Perempuan menyaksikan persembahan Tarian Canggung oleh kanak-kanak pesakit Thalasemia.



Kanak-kanak pesakit Thalasemia tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan DYMM Tuanku Perempuan Perlis ketika melawat Klinik Thalasemia



DYMM Tuanku Perempuan Perlis merasmikan sudut bacaan sambil diperhati oleh KP PNM dan Pengarah PPAN Perlis.



Nurul turut bercerita untuk kanak-kanak pesakit Thalasemia ini.

PROGRAM MEMBACA SEMPENA PROGRAM MERAKYATKAN SENI BUDAYA

PROGRAM Merakyatkan Seni Budaya (PMS) telah diadakan pada 24 Mei 2009 bertempat di Selayang Heights, Dun Templer, Selayang, Selangor Darul Ehsan. Majlis ini telah dirasmikan bersama oleh YBhg Dato' Subahan Kamal, ADUN Templer.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan agensi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah mengambil bahagian di dalam majlis perasmian ini dengan menyediakan pelbagai aktiviti mengenai perkhidmatan masing-masing. PNM telah mengadakan Pameran Permainan Tradisional, pendaftaran keahlian PNM dan Kelab Membaca Sinar Pintar. Selain itu PNM turut mengadakan aktiviti-aktiviti berteraskan ilmu seperti permainan Putar-putar Ilmu, Langkah Ria, Pantas Jawi, Gali Kata, Teka Silang Kata dan Bina Kata. Semua aktiviti-aktiviti ilmu PNM telah mendapat sambutan hangat dari penduduk setempat meliputi semua kategori iaitu dewasa, remaja dan kanak-kanak.

PNM juga telah menyediakan pelbagai cenderahati untuk pengunjung yang bermula seawal 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 2.00 petang. PMS ini telah berjaya menarik minat orang ramai terutama penduduk di sekitar Selayang. Seramai 400 orang pengunjung yang melibatkan pelbagai peringkat umur dari kalangan kanak-kanak, remaja serta dewasa.

SEKITAR AKTIVITI



Ruangan aktiviti Perpustakaan Negara Malaysia.



Permainan 'Putar-putar Ilmu' turut diadakan untuk menarik pengunjung.



Pameran Permainan Tradisional turut diadakan untuk memberi maklumat kepada pengunjung berkaitan permainan tradisional di Malaysia.



Antara pengunjung yang mengambil bahagian dalam aktiviti anjuran Perpustakaan Negara Malaysia.



Aktiviti Membaca Jawi untuk menguji kebolehan pengunjung membaca Jawi.



Aktiviti Bina Kata yang disertai oleh kanak-kanak.

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM : 1MALAYSIA BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

FORUM Perdana Ehwal Islam merupakan satu program ceramah agama yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) meliputi pelbagai topik menarik yang menyentuh isu-isu agama dan isu-isu semasa. Program ini ditayangkan melalui saluran RTM 1 pada setiap hari Khamis malam Jumaat bermula dari jam 9.00 malam sehingga 10.00 malam. Mengikut statistik dari JAKIM, program ini ditonton oleh 1.5 juta penonton di seluruh negara dan merupakan antara program bercorak keagamaan yang menjadi pilihan utama seisi keluarga.

Menyedari hakikat itu, Perpustakaan Negara Malaysia mengambil inisiatif untuk mengadakan kerjasama dengan JAKIM dan RTM dalam menganjurkan Forum Perdana Ehwal Islam di bawah tajuk 1Malaysia Bangsa Membaca Bangsa Berjaya dan Minda Yang Mati. Program ini boleh dijadikan landasan terbaik bagi memupuk sikap suka membaca di kalangan masyarakat dan seterusnya melahirkan modal insan yang berpengetahuan. Dengan barisan ahli panel yang terdiri daripada penceramah-penceramah yang berkaliber, amat diyakini bahawa mereka ini mampu untuk mengupas tajuk forum iaitu 1Malaysia Bangsa Membaca Bangsa Berjaya dan Minda Yang Mati dengan kupasan yang penuh informasi dan seterusnya mampu mempengaruhi penonton untuk menghayati dan menyemarakkan amalan membaca.

Forum Perdana Ehwal Islam ini telah dijayakan oleh:

Pengerusi : YBhg Dr. Ridhuan Tee Abdullah
(Pensyarah Kanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia)

Ahli panel :
1) YBhg Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah
(Pakar Motivasi)
2) YBhg Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady
(Institut Antarabangsa Pemikir dan Tamadun Islam -ISTAC)
3) YBhg Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail
(Pensyarah di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)


Perantara : Encik Mohammad Hafiz Hamidun

Objektif Forum Perdana Ehwal Islam: 1Malaysia Bangsa Membaca Bangsa Berjaya ialah untuk menyebarkan ilmu mengenai kepentingan menimba ilmu melalui pembacaan. Rakaman forum ini telah dilakukan pada 21 Ogos 2009 bagi tajuk pertama 1Malaysia Bangsa Membaca Bangsa Berjaya telah disiarkan pada 17 September di RTM1 jam 9.00 malam sementara tajuk kedua Minda Yang Mati disiarkan pada 22 Oktober 2009 juga di RTM1 jam 9.00 malam.

SEKITAR AKTIVITI



Forum Perdana Ehwal Islam: 1Malaysia Bangsa Membaca Bangsa Berjaya di Auditorum PNM.



Barisan panelis forum.



YBhg Encik Raslin Bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM dan tetamu kehormat yang turut hadir dalam sesi rakaman.



Perantara forum, saudara Hafiz Hamidun.

KARNIVAL MEMBACA 1MALAYSIA SEMPENA PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA

SEPANJANG tahun 2009, beberapa buah Perpustakaan Desa telah dirasmikan dalam memastikan kewujudan Perpustakaan Desa berkenaan diketahui umum. Perasmian ini dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan sebahagiannya telah dilaksanakan oleh Perpustakaan Awam Negeri. Bagi tahun 2009, Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerajasama Perpustakaan Awam Negeri serta Jawatankuasa Perpustakaan Desa berkenaan telah melaksanakan 5 majlis perasmian seluruh Malaysia.

Bersempena dengan Majlis Perasmian Perpustakaan Desa berkenaan, Karnival Membaca turut diadakan dalam menyedarkan warga setempat kepentingan membaca.

Karnival Membaca sempena Perasmian Serentak Perpustakaan Desa Manek Urai dan Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri

Karnival Membaca sempena Perasmian Serentak Perpustakaan Desa Manek Urai dan Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri telah dilaksanakan pada 4-6 Julai 2009 sementara Majlis Perasmian berkenaan telah diadakan pada 6 Julai 2009 bertempat di Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri, Kuala Krai, Kelantan dan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato` Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Turut hadir dalam Majlis Perasmian berkenaan termasuk Yang Berbahagia Encik Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Abdullah bin Morad, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Abu Talib bin Haji Harun, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Yang Berusaha Tuan Haji Mohd. Nasir b. Mohd. Salleh, Pengarah Penerangan Kelantan, Yang Berusaha Tuan Haji Megat Adnan bin Megat Mohamad, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, pegawai-pegawai Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, wakil Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Pengurus Besar KESEDAR, guru-guru dan murid-murid sekolah yang terletak dalam jajahan Kuala Krai seperti Sekolah Kebangsaan Chuchoh Puteri dan Sekolah Menengah Manek Urai Lama serta penduduk Kampung Chuchoh Puteri dan Manek Urai Lama.

Pengisian Karnival Membaca adalah seperti berikut :

(a) Sesi Bercerita
Aktiviti bercerita telah dikendalikan oleh petugas Perpustakaan Desa dengan berpandukan buku cerita bergambar yang menarik dan kumpulan sasar adalah kanak-kanak. Dengan adanya aktiviti seumpama ini dapat menarik dan menyemai minat membaca di kalangan kanak-kanak bermula dari awal usia lagi.

(b) Semarak Jawi
Aktiviti ini diadakan untuk memperkenal dan memperhebatkan pembudayaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak agar tulisan jawi dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

(c) Permainan Pembelajaran dan Keilmuan
Aktiviti yang dilaksanakan merangkumi permainan yang dapat menajamkan pemikiran seperti uji minda, gali kata dan permainan Sahiba.

(d) Permainan Tradisional (Dam dan Congkak)
Aktiviti ini diadakan bertujuan untuk mendidik masyarakat mengenali permainan tradisional dan mengekalkan tradisi agar ia tidak terus terpinggir dalam arus pemodenan seperti permainan congkak dan dam. Permainan ini telah menarik penyertaan golongan kanak-kanak, belia dan orang dewasa.

(e) Pertandingan Mewarna
Pertandingan mewarna yang telah diadakan adalah khusus untuk kanak-kanak sekolah rendah dan aktiviti ini merupakan satu bentuk terapi yang dapat meningkatkan daya kreativiti mereka.

(f) Pertandingan Mengarang Puisi
Pertandingan ini melibatkan penyertaan golongan belia dengan Tema : Hari Ibu dan Hari Bapa. Pertandingan ini dapat mencungkil bakat dan daya kreativiti dalam penghasilan karya.

(g) Pertandingan Mencipta Kad Kreatif
Pertandingan ini disertai oleh pelajar sekolah menengah dengan Tema : Hari Ibu dan Hari Bapa. Pelbagai rekaan kad yang menarik telah dihasilkan dengan daya kreativiti masing-masing.

(h) Pertandingan Penanda Buku/ Pinggan Kreatif
Pertandingan ini melibatkan penyertaan pelajar sekolah rendah dengan pelbagai ciptaan penanda buku dan pinggan kertas yang berwarna-warni.

(i) Pertandingan Gubahan Bunga dan Gubahan Kain
Pertandingan gubahan ini melibatkan golongan dewasa khususnya kaum ibu di mana peserta bebas mereka cipta gubahan daripada bunga, kain dan tuala mengikut kretiviti masing-masing.

(j) Pameran
Pameran yang diadakan adalah pameran mengenai Perpustakaan Desa yang terdapat di seluruh negeri Kelantan. Ianya bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang lokasi perpustakaan yang boleh dikunjungi dan kemudahan perkhidmatan perpustakaan yang boleh dimanfaatkan. Ianya telah diadakan di perkarangan Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri.

(k) Sukaneka
Aktiviti sukaneka ini melibatkan penyertaan kanak-kanak tadika Kampung Chuchoh Puteri dan Manek Urai Lama. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti pertandingan meniup belon, mengisi air ke dalam botol dan kerusi muzik *(musical chair)*.

(l) Ceramah Motivasi

Program ini telah diadakan pada 6 Julai 2009 (Isnin), jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dikendalikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, Angkasawan Negara. Ceramah motivasi ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana ianya telah berjaya menarik minat seramai 700 orang yang terdiri daripada guru-guru, pelajar - pelajar sekolah serta penduduk kampung di jajahan Kuala Krai. Yang Berbahagia Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie telah menyampaikan ceramah tentang pengalamannya berada di angkasa lepas.

(m) Penyampaian Hadiah / Sumbangan

Penyampaian hadiah/sumbangan turut diadakan semasa majlis tersebut yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Penerima-penerima hadiah/sumbangan adalah seperti berikut:

- Sumbangan Buku
  - 2 buah sekolah menengah
    - Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai
    - Sekolah Menengah Mengkebang
  - 9 buah sekolah rendah
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Chuchoh Puteri
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Lata Rek
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Sok
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Laloh
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Rek
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Mengkebang
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Manek Urai Lama
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Manek Urai Baru
    - Sekolah Rendah Kebangsaan Peria
  - 2 buah sekolah menengah agama
    - Sekolah Menengah Ugama Salahiah (Arab) Sungai Sok
    - Sekolah Menengah Ugama Arab Al-Saadah, Mengkebang
  - 10 buah tadika
    - Tadika Nur Fitri, Sungai Sok
    - Tadika Nur Hidayah, Lata Rek
    - Tadika Abdul Rashid, Chabang Tiga, Sungai Sok
    - Tadika Peria, Kuala Krai
    - Tadika Sungai Rek Hajah Rohani Majid A
    - Tadika Datin Samihah, Chuchoh Puteri
    - Tadika Hajah Rohani, Manek Urai Lama
    - Tadika Manek Urai Baru
    - Tadika Laloh
    - Tadika Karangan
  - 10 buah masjid
    - Masjid Chuchoh Puteri A
    - Masjid Chuchoh Puteri B
    - Masjid Manek Urai Baru
    - Masjid Manek Urai Lama
    - Masjid Laloh
    - Masjid Zukri, Sungai Sok
    - Masjid Atas Bukit Sungai Sok
    - Masjid Sungai Peria
    - Masjid Sungai Rek
    - Masjid Lata Rek

- Penyampaian hadiah kepada pembaca terbanyak bagi Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri dan Perpustakaan Desa Manek Urai Lama turut diadakan. Ianya terbahagi kepada 3 kategori (dewasa, belia dan kanak-kanak) iaitu:
  - Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri
    - Kategori Dewasa - Wan Haron bin Wan Hussin
    - Kategori Belia - Siti Aisyah bt. Alias
    - Kategori Kanak-kanak - Rasyidah bt. Jaya
  - Perpustakaan Desa Manek Urai
    - Kategori Dewasa - Nor Asiah bt Mohamed
    - Kategori Belia - Norlin Atikah bt. Azmi
    - Kategori Kanak-kanak - Mohd. Syafiq Aidil bin Yaacob

SEKITAR AKTIVITI




Kehadiran YB Dato` Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan diiringi tetamu kehormat ke Majlis Perasmian Serentak Perpustakaan Desa Kg. Chuchoh Puteri dan Perpustakaan Desa Kg. Manek Urai Lama.



Acara menandatangan plak perasmian Perpustakaan Desa Kg. Chuchoh Puteri dan Perputakaan Desa Kg. Manek Urai Lama.



Acara pemotongan riben Perasmian Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri oleh YB Dato` Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.



Kelihatan YB Dato' Seri Utama Dr.Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, YBhg Encik Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM dan YBhg Dato` Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, Angkasawan Negara bersama kanak-kanak dalam aktiviti membaca.



YB Dato` Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menceritakan sebuah cerita kepada kanak-kanak.



Sesi Motivasi Bersama Angkasawan Negara, YBhg Dato` Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie.



Sebahagian pengisian aktiviti Karnival Membaca yang disertai oleh kanak-kanak daripada kawasan sekitar Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri.



Kelihatan seorang ibu yang turut memberi sokongan kepada anak-anak menyertai Sesi Mewarna di Perpustakaan Desa Chuchoh Puteri.



Sebahagian pengisian aktiviti Karnival Membaca di Perpustakaan Desa Kg. Manek Urai Lama.



Pelajar-pelajar sekolah turut menyertai Pertandingan Mewarna yang diadakan di Perpustakaan Desa Kg. Manek Urai Lama.

Karnival Membaca sempena Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Tengah Pusa

Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Tengah Pusa, Betong, Sarawak telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Bolhassan Bin Haji Di, Menteri Muda Di Jabatan Ketua Menteri (Teknologi Maklumat) dan Menteri Muda Perhubungan Infrastruktur Negeri Sarawak bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Hulu Pusa pada 25 Julai 2009. Majlis ini telah dihadiri oleh 500 orang terdiri daripada jemputan khas dan masyarakat Kampung Tengah Pusa serta kampung-kampung yang berhampiran.

Karnival Membaca sempena Perasmian Perpustakaan Desa kampung Tengah Pusa, Betong, Sarawak telah diadakan selama 3 hari bermula 18 hingga 19 julai dan pada 25 julai 2009 bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Hulu Pusa. Pelbagai aktiviti mengikut kategori umur telah diadakan termasuk :

(a) Kanak-Kanak
1. Pertandingan Mewarna disertai oleh 80 orang.
2. Pertandingan Bercerita Dongeng Rakyat disertai oleh 9 orang.
3. Pertandingan Nasyid disertai oleh 10 buah kumpulan.
4. Pertandingan Tarian Kebudayaan disertai oleh 7 buah kumpulan.

(b) Remaja
1. Pertandingan Melukis dan Mewarna disertai oleh 45 orang.
2. Pertandingan Tarian Kebudayaan disertai oleh 10 buah kumpulan.

(c) Dewasa
1. Pertandingan Tarian Poco-Poco disertai oleh 9 buah kumpulan.
2. Pertandingan Gubahan Hantaran disertai oleh 6 buah kumpulan.

Bersempena dengan itu juga, 3 pemenang pembaca terbanyak juga telah dipilih dalam menggalakkan lebih ramai warga setempat mengamalkan amalan membaca sepeti berikut :

(a) Kategori Dewasa - Faridah Ahmad
(b) Kategori Belia - Nazatul Zaharah Musa
(c) Kategori Kanak-kanak - Mohd. Fais Bolhassan

SEKITAR AKTIVITI



Barisan Tetamu Kehormat yang hadir pada Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kamung Tengah Pusa. Berdiri di tengah adalah Yang Berhormat Tuan Haji Bolhassan Bin Haji Di, Menteri Muda Di Jabatan Ketua Menteri (Teknologi Maklumat) dan Menteri Muda Perhubungan Infrastruktur Negeri Sarawak.



Acara memotong riben yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Bolhassan Bin Haji Di, Menteri Muda Di Jabatan Ketua Menteri (Teknologi Maklumat) dan Menteri Muda Perhubungan Infrastruktur Negeri Sarawak sambil diperhatikan oleh Yang Berbahagia Encik Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.



Yang Berhormat Tuan Haji Bolhassan Bin Haji Di, Menteri Muda Di Jabatan Ketua Menteri (Teknologi Maklumat) dan Menteri Muda Perhubungan Infrastruktur Negeri Sarawak dan barisan jemputan melawat Perpustakaan Desa Kampung Tengah Pusa.



Yang Berhormat Tuan Haji Bolhassan Bin Haji Di, Menteri Muda Di Jabatan Ketua Menteri (Teknologi Maklumat) dan Menteri Muda Perhubungan Infrastruktur Negeri Sarawak memukul gong sebagai simbol upacara perasmian.



Sebahagian daripada 500 orang penduduk kampung sekitar yang hadir pada Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Tengah Pusa.



Yang Berhormat Tuan Haji Bolhassan Bin Haji Di, Menteri Muda Di Jabatan Ketua Menteri (Teknologi Maklumat) dan Menteri Muda Perhubungan Infrastruktur Negeri Sarawak membacakan sebuah cerita kepada kanak-kanak yang mengunjungi Perpustakaan Desa Kampung Tengah Pusa.

Karnival Membaca sempena Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Teluk Memali

Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Teluk Memali, Kampung Gajah, Perak merupakan Perpustakaan Desa yang terletak dalam Parlimen Pasir Salak. Majlis Perasmian Perpustakaan Desa ini telah disempurnakan oleh YB Dr. Wan Norashikin binti Wan Nordin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah, Perak pada 16 Ogos 2009. Majlis ini telah dihadiri sekitar 500 orang penduduk setempat serta tetamu jemputan daripada jabatan kerajaan dan swasta.

Karnival Membaca sempena Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Teluk Memali turut diadakan sepanjang hari berkenaan. Antara pengisian aktiviti Karnival Membaca adalah :

- Sesi Bercerita
- Teka Silang Jawi dan Pantas Jawi
- Permainan Pembelajaran dan Keilmuan
- Permainan Tradisional (Dam dan congkak)
- Sesi Mewarna
- Langkah Ria
- Pendaftaran Kelab Membaca Sinar Pintar
- Taklimat Kesihatan

SEKITAR AKTIVITI



Ketibaan YB Dr. Wan Norashikin binti Wan Nordin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah dan Dif-dif Kehormat disambut dengan persembahan silat.



YB Dr. Wan Norashikin binti Wan Nordin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah merasmikan Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Teluk Memali sambil diperhatikan oleh YBhg Encik Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.



YB Dr. Wan Norashikin binti Wan Nordin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah memotong riben Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Teluk Memali.



YB Dr. Wan Norashikin binti Wan Nordin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah membacakan sebuah cerita kepada kanak-kanak yang mengunjungi Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Teluk Memali.



Sebahagian pengunjung sedang menggunakan kemudahan yang ada di Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Teluk Memali.



Aktiviti 'Langkah Ria' turut diadakan.



Sebahagian aktiviti Karnival Membaca yang dilaksanakan di perkarangan Perpustakaan Desa Kampung Tersusun Terluk Memali.

Karnival Membaca 1Malaysia sempena Perasmian Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana

Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana, Port Dickson, Negeri Sembilan ini terletak dalam kawasan perumahan Taman Intan Perdana Batu 9, Teluk Kemang, Port Dickson. Ia terletak dalam Parlimen Teluk Kemang dan di bawah Dewan Undangan Negeri Bagan Pinang. Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana, Port Dickson, Negeri Sembilan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pada 8 Oktober 2009 dan telah dihadiri oleh 1,500 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat di Taman Intan Perdana, Port Dickson, Negeri Sembilan dan kampung-kampung yang berdekatan.

Antara tetamu kehormat yang hadir di Majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato' Hasim bin Rusdi, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Luar Bandar, Hal Ehwal Pengguna dan Kemudahan Asas yang mewakili YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berbahagia Dato' Omar bin Awang, Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Mohamed Najib bin Dawa, Ketua Pengarah Balai Seni Lukis Negara, Yang Berbahagia Dato' Haji Abdullah Murad, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato` Fuad bin Tan Sri Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin, Ahli Dewan Negara. Turut hadir ialah Encik Shamsudin bin Hamidan, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan pegawai-pegawai Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, petugas-petugas Perpustakaan Desa PNM di Negeri Sembilan, wakil Pejabat Pelajaran Daerah Port Dickson, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah Daerah Port Dickson, penuntut-penuntut Politeknik Port Dickson serta penduduk Taman Intan Perdana.

Karnival Membaca 1Malaysia yang diadakan sempena Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana telah diadakan selama 2 hari bermula 8-9 Oktober 2009. Karnival Membaca 1Malaysia melibatkan penganjuran pelbagai aktiviti seperti berikut :

(a) Sesi Bercerita
Aktiviti bercerita telah dikendalikan oleh petugas Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana dengan berpandukan buku cerita bergambar yang menarik dan kumpulan sasar adalah kanak-kanak. Dengan adanya aktiviti seperti ini dapat menarik dan menyemai minat membaca di kalangan kanak-kanak. Aktiviti ini telah diadakan pada 8 Oktober 2009.

(b) Semarak Jawi
Aktiviti ini telah diadakan untuk memperkenal dan memperhebatkan pembudayaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak agar tulisan Jawi dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang. Aktiviti ini telah diadakan pada 8 Oktober 2009.

(c) Permainan Pembelajaran dan Keilmuan
Aktiviti yang dilaksanakan merangkumi permainan yang dapat menajamkan pemikiran seperti uji minda, gali kata dan permainan sahiba. Aktiviti ini telah diadakan di perkarangan Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana. Aktiviti ini telah diadakan pada 8 Oktober 2009.

(d) Pertandingan Mewarna 1Malaysia
Pertandingan Mewarna 1Malaysia telah diadakan khusus untuk kanak-kanak tabika di mana aktiviti ini merupakan satu bentuk terapi yang dapat meningkatkan daya kreativiti mereka. Aktiviti ini telah disertai oleh 20 orang kanak-kanak tabika Taman Intan Perdana di perkarangan Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana. Aktiviti ini telah diadakan pada 8 Oktober 2009.

(e) Pertandingan Mengenal Ejaan
Pertandingan ini disertai oleh 20 orang kanak-kanak tabika dalam Taman Intan Perdana yang juga telah diadakan di perkarangan Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana pada 8 Oktober 2009.

(f) Pertandingan Kart
Pertandingan ini dilaksanakan khas untuk kanak-kanak kurang upaya (OKU) di mana peserta perlu memadankan gambar-gambar dengan keratan gambar yang telah dibekalkan. Pertandingan yang diadakan pada 8 Oktober 2009 ini telah disertai oleh 20 orang kanak-kanak OKU.

(g) Pertandingan *Spell It Right*
Pertandingan ini melibatkan 15 orang peserta daripada 5 buah sekolah menengah di mana para peserta diberikan satu perkataan bahasa Inggeris dan perlu mengeja dengan betul. Pertandingan ini diadakan pada 8 Oktober 2009.

(h) Pertandingan Menganyam Ketupat
Di samping aktivititi-aktiviti tersebut di atas, Pertandingan Menganyam Ketupat turut dianjurkan oleh petugas Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana. Pertandingan ini telah disertai oleh 20 orang peserta dewasa yang melibatkan ahli Kelab Rumah Tangga (KRT) Taman Intan Perdana dan Taman Politeknik, Port Dickson. Pertandingan ini telah diadakan pada 8 Oktober 2009 di Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana.

(i) Bengkel Kraftangan
Bengkel Kraftangan telah diadakan pada 9 Oktober 2009 di Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana yang telah disertai oleh seramai 20 orang peserta dewasa. Bengkel ini dikendalikan oleh seorang tenaga pengajar KEMAS.

(j) Pameran (8 Oktober 2009)
- Pameran yang didakan adalah pameran kraftangan dan produk industri kecil sederhana (IKS) yang telah dihasilkan oleh penduduk tempatan. Barang-barang yang dipamerkan adalah bakul-bakul yang dihasilkan daripada surat khabar.
- Di samping itu, BOMBA Daerah Port Dickson turut mengadakan pameran di perkarangan Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana.

(k) Sumbangan Buku
Penyampaian sumbangan buku diadakan semasa

majlis tersebut yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Penerima-penerima sumbangan buku adalah seperti berikut:

- Tiga (3) buah sekolah menengah
  - Sekolah Menengah Bukit Saujan
  - Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Baru Si Rusa
  - Sekolah Menengah Agama Teluk Kemang
- 16 buah sekolah rendah
  - Sekolah Kebangsaan Kg. Baru Si Rusa
  - Sekolah Kebangsaan Panglima Adnan
  - Sekolah Kebangsaan Si Rusa
  - Sekolah Kebangsaan Sungala
  - Sekolah Kebangsaan Teluk Kemang
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa Teluk Kemang
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ladang Sua Betong
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (C) St. Leornards Ladang Port Dickson, Lukut
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Kem Askar Melayu
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Siliau
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (T) St. Leornards
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Sua Betong
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Bradwall
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Atherton
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ladang Bradwall
  - Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Ladang Siliau
- Enam (6) buah tadika
  - Tadika KEMAS A
  - Tadika KEMAS B
  - Tadika Perpaduan A
  - Tadika Perpaduan B
  - Tadika Cerdas Pintar
  - KAFA

Bersempena dengan itu juga, 3 orang pemenang pembaca terbanyak Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana telah dipilih dan hadiah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. 3 pemenang tersebut adalah :

(i) Kategori Dewasa - Puan Rohana Karim
(ii) Kategori Belia - Cik Nurul Izzati Md. Asri
(iii) Kategori Kanak-kanak - Izzat bin Johari

SEKITAR AKTIVITI



Yang Berhormat Dato` Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan memukul gong sambil diperhatikan oleh Tetamu Kehormat sebagai simbol perasmian Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana.



Yang Berhormat Dato` Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan memotong riben di Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana.



Aktiviti membaca jawi turut diadakan s ebagai pengisian Karnival Membaca 1Malaysia sempena Perasmian Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana.



Sebahagian penduduk kawasan sekitar yang hadir ke Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana.



Yang Berhormat Dato` Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menyempurnakan sesi penyampaian cenderamata.



Yang Berhormat Dato` Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan turut menjayakan sebahagian aktiviti Karnival Membaca 1Malaysia sempena Perasmian Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana.



Pameran kesihatan turut diadakan untuk memberi maklumat kepada pengunjung mengenai penjagaan kesihatan.

Karnival Membaca 1Malaysia sempena Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand

Perpustakaan Desa ini terletak di dalam kawasan pengurusan Felda New Zealand, Maran, Pahang. Ia terletak dalam Parlimen Maran dan di bawah Dewan Undangan Negeri Luit. Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand, Maran, Pahang dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Maran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Ahli Parlimen Maran pada 14 November 2009 (Sabtu) jam 11.00 pagi.

Antara tetamu jemputan yang hadir di Majlis tersebut ialah Datuk Shahaniza Shamsuddin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Sentol, YBhg Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, Angkasawan Negara dan Datuk Fadilla Salleh, Pegawai Daerah Maran. Turut hadir ialah Puan Hajah Faridzah Jaafar, Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Encik Mohd. Lazim Mahusin, Pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan Desa Kampung New Zealand, Maran dan pegawai-pegawai Perpustakaan Negara Malaysia, Pegawai-pegawai Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, petugas-petugas Perpustakaan Desa PNM dalam Daerah Maran, guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah Daerah Maran, serta penduduk Kampung New Zealand, Maran.

Karnival Membaca 1Malaysia sempena Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand, Maran, Pahang telah diadakan pada 4-14 November 2009 dan melibatkan pelbagai aktiviti seperti berikut :

(a) Sesi Motivasi bersama Angkasawan Negara
Sesi Motivasi bersama YBhg Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, Angkasawan Negara yang diadakan pada 14 November 2009 bertempat di Dewan Kampung New Zealand, Maran. Dianggarkan lebih kurang 650 orang telah menghadiri sesi motivasi tersebut yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah Daerah Maran serta penduduk setempat. Sesi motivasi tersebut bertujuan meningkatkan motivasi pelajar-pelajar terutama bagi pelajar yang akan mengambil peperiksaan.

(b) Pertandingan Mewarna
Pertandingan Mewarna telah diadakan untuk tiga (3) kategori iaitu 4 - 6 tahun, 7 - 9 tahun dan 10 - 12 tahun yang disertai oleh 90 orang semuanya. Aktiviti ini merupakan satu bentuk terapi yang dapat meningkatkan daya kreativiti mereka. Aktiviti ini diadakan di Dewan Orang Ramai Kampung New Zealand, Maran, Pahang.

(c) Pertandingan Congkak
Pertandingan Congkak disertai oleh 14 remaja lelaki dan perempuan serta dewasa lelaki dan perempuan. Pertandingan ini diadakan di Dewan Orang Ramai Kampung New Zealand. Pertandingan ini diadakan bertujuan mendidik masyarakat mengenali permainan tradisional dan mengekalkan tradisi agar ia tidak terus terpinggir dalam arus pemodenan.

(d) Peraduan Silang Kata
Peraduan ini terbuka kepada 50 orang kanak-kanak dan tiada had umur ditetapkan. Ia diadakan di Dewan Orang Ramai Kampung New Zealand, Maran, Pahang.

(e) Pertandingan Kuiz
Pertandingan Kuiz ini terbuka kepada semua pengunjung Perpustakaan Desa Kampung Felda New Zealand dan tiada had umur dikenakan untuk pertandingan tersebut.

(f) Persembahan Bercerita
Persembahan ini diadakan sempena Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand. Seorang kanak-kanak telah bercerita kepada para jemputan dan orang ramai di perkarangan Perpustakaan Desa Kampung Felda New Zealand, Maran.

(g) Teka Silang Jawi dan Pantas Jawi
Aktiviti ini telah diadakan untuk memperkenal dan memperhebatkan pembudayaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak agar tulisan Jawi dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang. Aktiviti ini telah diadakan di wakaf yang di perkarangan Perpustakaan Desa Kampung New Zealand, Maran.

(h) Sesi Mewarna
Sesi Mewarna bagi kanak-kanak pra sekolah merupakan terapi di samping meningkatkan daya kreativiti mereka. Aktiviti ini telah diadakan di wakaf yang di perkarangan Perpustakaan Desa Kampung New Zealand, Maran.

Bersempena dengan itu juga, 3 orang pemenang pembaca terbanyak dan 3 orang pengunjung setia Perpustakaan Desa Kampung New Zealand telah dipilih dan hadiah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Hj Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Ahli Parlimen Maran.

Pemenang pembaca terbanyak Perpustakaan Desa Kampung New Zealand adalah :

(a) Kategori Dewasa - Puan Rohana Karim
(b) Kategori Belia - Cik Nurul Izzati Md. Asri
(c) Kategori Kanak-kanak - Izzat bin Johari

Pengunjung setia Perpustakaan Desa Kampung New Zealand adalah :

(a) Kanak-kanak - Norhafizah bt. Kamaruzan
(b) Remaja - Mohd. Syful Anuar bin Rumeli
(c) Dewasa - Wan Rusdi Wan Ahmad Putra

SEKITAR AKTIVITI



Barisan Tetamu Kehormat yang hadir pada Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand.



Sesi Motivasi Bersama Angkasawan Negara, YBhg Dato` Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie merupakan sebahagian aktiviti Karnival Membaca 1Malaysia sempena Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand.



Yang Berhormat Dato' Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Ahli Parlimen Maran menandatangani Plak Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand.



Sebahagian anggota polis yang bertugas sempena Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand turut meluangkan masa untuk mengambil bahagian dalam salah satu aktiviti Karnival Membaca 1Malaysia.



Yang Berhormat Dato' Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Ahli Parlimen Maran memotong riben Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand.



Kanak-kanak yang turut mengambil bahagian dalam aktiviti Karnival Membaca 1Malaysia.



Yang Berhormat Dato' Hj. Ismail bin Hj. Abd. Muttalib, Ahli Parlimen Maran turut memberi sokongan dalam aktiviti membaca yang dijayakan sempena Perasmian Perpustakaan Desa Kampung New Zealand.



Sebahagian pengunjung sedang menyelesaikan aktiviti 'Gali Kata' yang merupakan salah satu aktiviti Karnival Membaca 1Malaysia.

PELANCARAN KUMPULAN CERPEN KATHAKALI

PELANCARAN Kumpulan Cerpen Kathakali Karya Uthaya Sankar SB merupakan anjuran bersama Kumpulan Sasterawan Kavyan serta Kelab Membaca Sinar Pintar. Pelancaran ini diadakan sempena Festival Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Majis Pelancaran Kumpulan Cerpen Kathakali telah dilaksanakan pada 12 Julai 2009 bertempat di Auditarium, Perpustakaan Negara Malaysia.

Kathakali memuatkan 16 cerpen Bahasa Malaysia yang ditulis khusus bagi khalayak berusia 16-21 tahun. Cerpen-cerpen dalam kumpulan ini menampilkan teknik, gaya dan persoalan yang mencabar minda serta memaksa pembaca berfikir secara kritis dan di luar corak pemikiran konvensional. Uthaya Sankar SB meneruskan tradisi menghasilkan karya bermutu sebagai santapan minda bagi khalayak yang dahaga akan ilmu dan bahan bacaan yang memberi kepuasan mental dan intelektual. Kathakali menampilkan citra dan aspirasi generasi muda Bangsa Malaysia dari kaca mata salah seorang sasterawan terpenting di Malaysia.

Pelancaran Buku Khatakali ini dianggap sebagai salah satu aktiviti membaca yang diadakan oleh Perpustakaan Negara. Selain daripada memberi peluang kepada golongan penulis dan penerbit untuk menulis dan menerbitkan lebih banyak bahan bacaan untuk pembacaan golongan belia, Perpustakaan Negara juga berharap agar penulis dan penerbit lain tampil ke hadapan untuk bersama-sama bekerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia.

SEKITAR AKTIVITI




YBhg. Ketua Pengarah PNM merasmikan majlis Pelancaran Kumpulan Cerpen Bahasa Malaysia Kathakali.



Dr. Lim Swee Tin turut mengulas tentang Cerpen Kathakali.



Kanak-kanak dari pelbagai kaum menyerahkan buku Khatakali sebagai gimik pelancaran.



Encik Uthaya Sankar SB turut berkongsi pengalaman beliau di dalam penulisan cerpen tersebut.



Setiausaha Kumpulan Kavyan menyerahkan 5 buah buku Kathakali sebagai Simbolik Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).



Tetamu Kehormat yang hadir pada majlis pelancaran ini.

PROGRAM MEMBACA 1MALAYSIA : "JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN"

PROGRAM Membaca 1Malaysia : "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" merupakan sebahagian strategi Kempen Membaca Perpustakaan Negara Malaysia dalam meningkatkan kesedaran membaca di kalangan pengguna pengangkutan awam di Malaysia. Projek rintis telah dijalankan dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan mendapat sokongan daripada Utusan Melayu, serta Kumpulan Karangkraf pada tahun 2009.

Antara objektif program ini termasuklah :

- Untuk menjalin persepakatan pintar di antara PNM dan KTMB serta beberapa penerbit terkemuka seperti Utusan Melayu (M) Berhad dan Kumpulan Karangkraf di dalam menggalakkan budaya membaca di kalangan penumpang keretapi.
- Untuk menanamkan budaya membaca walau dimana berada kepada pengguna keretapi disamping memenuhi masa yang terluang.
- Untuk memberi peluang kepada pengguna keretapi mendapatkan pengetahuan melalui bahan bacaan yang disediakan.
- Untuk meningkatkan kesedaran kepada pengguna keretapi mengenai kepentingan ilmu pengetahuan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat *(Life Long Learning)*.

Program Membaca 1Malaysia "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" yang dilaksanakan adalah berkonsepkan beberapa kaedah. Diantaranya adalah :

- Menyediakan bahan bacaan kepada penumpang keretapi di dalam gerabak dengan kerjasama penerbit terkemuka seperti Utusan Melayu (M) Berhad dan Kumpulan Karangkraf. Buku juga akan turut disumbangkan oleh pembekal-pembekal buku yang berminat.
- PNM juga mengadakan kempen Bank Buku, di mana orang ramai boleh mendermakan buku terpakai atau baru kepada bank ini agar buku-buku ini dapat dijadikan bahan bacaan di dalam keretapi.
- PNM juga menyediakan sumbangan bahan promosi seperti gegantung dan banner di dalam bangunan KTMB dan di dalam keretapi untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang budaya membaca.

Majlis Pra Pelancaran disempurnakan oleh YBhg Dato` Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dalam perjalanan Keretapi Ekspres Sinar Pagi dari Kuala Lumpur ke Gemas pada 8 November 2009. Antara pengisian aktiviti termasuk pemberian bahan bacaan daripada Perpustakaan Negara Malaysia, Kumpulan Karangkraf serta Utusan Melayu kepada penumpang keretapi, sesi Bacathon, dan sesi bersama kanak-kanak seperti sesi bercerita, menyanyi bersama, mewarna dan kraftangan.

Majlis Pelancaran telah diadakan pada 7 Disember 2009 bertempat di Stesen Sentral Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Majlis disempurnakan dalam perjalanan keretapi *"Trainshuttle"* dari Kuala Lumpur ke Ipoh. Antara pengisian aktiviti termasuk melancarkan sudut bacaan, sumbangan bahan bacaan daripada Perputakaan Negara Malaysia, Utusan Melayu serta Kumpulan Karangkraf kepada KTMB, edaran bahan bacaan kepada penumpang, sesi bersama kanak-kanak termasuk sesi bercerita dan sesi kraftangan. Majlis ini juga mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang membuat persembahan selamat datang dan Balai Seni Lukis Negara yang turut melaksanakan aktiviti melukis dan mewarna kepada kanak-kanak.

Utusan Melayu Berhad telah menyumbangkan 250 naskhah dan Kumpulan Karangkraf telah menyumbangkan 1,000 naskhah bahan bacaan dalam menjayakan program ini.

SEKITAR AKTIVITI



Aktiviti Lipatan Kertas yang dijalankan sempena Majlis Pra Pelancaran Program Membaca 1Malaysia: "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan".



YBhg Dato` Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM sedang memerhatikan salah seorang peserta aktiviti membaca sempena Majlis Pra Pelancaran Program Membaca 1Malaysia : "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan".



Sebahagian peserta kanak-kanak yang menyertai Majlis Pra Pelancaran Program Membaca 1Malaysia: "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan".



Pelancaran Bank Buku turut dilancarkan sempena Program Membaca 1Malaysia: "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan".



Majlis Pelancaran Program Membaca 1Malaysia : "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan" dilancarkan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.



Sesi Bercerita yang dijalankan sempena Majlis Pelancaran Program Membaca 1Malaysia : "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan".



Aktiviti Menyanyi Bersama yang dijalankan sempena Majlis Pelancaran Program Membaca 1Malaysia: "Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan".



YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan mengedarkan bahan bacaan kepada penumpang keretapi.

SEGANDINGAN KITA MEMBACA 1MALAYSIA : ARAM KITAI MACHA 1MALAYSIA

"SEGANDINGAN Kita Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia" merupakan satu program membaca yang berkonsepkan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Selaras dengan konsep 1Malaysia yang mahu menjadikan setiap rakyat Malaysia yang berkelayakan dan memerlukan bantuan serta pertolongan akan dibantu dan tiada pihak yang akan dicicirkan, PNM telah mengatur strategi untuk mengadakan program-program membaca di kawasan-kawasan pedalaman kerana setiap anak Malaysia adalah potensi modal insan yang penting kepada negara dan perlu dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Untuk tujuan itu, PNM telah mengadakan program membaca "Segandingan Kita Membaca 1Malaysia: Aram Kita Macha 1Malaysia" bermula di Terminal Bot Ekspres Sibu diikuti dengan lawatan ke Rumah Panjang Richard Nujung yang terletak di Beguang Song dan terus ke Town Square, Kapit. Pemilihan kawasan ini selaras dengan konsep 1Malaysia iaitu memastikan tiada rakyat Malaysia yang terpinggir daripada mendapat perhatian kerajaan serta memberi kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat.

Majlis perasmian telah diadakan di Town Square Kapit dan dirasmikan oleh YB Joseph Salang, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Objektif Segandingan Kita Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kesedaran di kalangan para pelajar tentang keseronokan membaca
- Membentuk persekitaran membaca yang selesa
- Memupuk tabiat membaca sepanjang hayat

Program ini telah dihadiri 1,000 orang yang terdiri daripada penduduk Kapit, warga Majlis Perbandaran Sibu, warga Majlis Perbandaran Kapit, warga Pustaka Negeri Sarawak dan warga Perpustakaan Negara Malaysia.

Antara aktiviti dijalankan termasuklah :

a. Sumbangan bahan bacaan
PNM telah menyumbang bahan bacaan kepada setiap penumpang yang menaiki bot ekspres dari Sibu ke Kapit serta kepada penduduk di Rumah Panjang Richard Nujung dan penduduk di Daerah Kapit.

b. Aktiviti di dalam bot
PNM bersama PNS serta Perpustakaan Awam Sibu telah menganjurkan pelbagai aktiviti keilmuan di dalam Bot Ekspres Sarawak Boleh sepanjang perjalanan dari Sibu menuju ke Kapit Di antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Sesi Dengar Ini Cerita
Sesi ini telah dikendalikan oleh Puan Samsul Khamariah Hamzah dan dibantu oleh urus setia program. Aktiviti ini telah diadakan di kelas pertama Bot Ekspres Sarawak Boleh dan seramai 20 orang kanak-kanak telah menyertai sesi ini.

ii. Sesi Menyanyi Bersama / Aktiviti Interaktif
Sesi ini telah diadakan di kelas perniagaan Bot Ekspres Sarawak Boleh dan dikendalikan oleh urus setia yang terdiri dari pegawai-pegawai PNM dan PNS. Seramai 36 orang remaja dari


daerah Sibu telah menyertai aktiviti ini.

iii. Bacathon
Sesi bacathon telah diadakan khusus untuk para penumpang di kelas ekonomi yang terdiri dari golongan dewasa yang juga merupakan ibu bapa kepada kanak-kanak yang menyertai program ini. Seramai 63 orang peserta terlibat dengan sesi bacathon ini dan aktiviti ini dikendalikan oleh pegawai dari PNM.

c. Aktiviti ilmu
PNM bersama PNS telah menganjurkan pelbagai aktiviti keilmuan sebelum majlis perasmian. Antara aktiviti-aktiviti keilmuan yang akan diadakan di Town Square, Kapit adalah seperti berikut:

- v Bina Kata
- v Gali Kata
- v Aktiviti Jawi
- v Permainan Pembelajaran

SEKITAR AKTIVITI



YBhg Dato' Raslin sedang melihat koleksi buku di Perpustakaan Tabika KEMAS Richard Nujung.



YBhg Dato' Raslin menanam pokok pinang sebagai tanda peringatan.



Tetamu Kehormat ketika acara Miring.



YBhg Dato' Raslin menyampaikan sumbangan buku kepada Ketua Rumah Panjang Richard Nujung.



Gambar kenang-kenangan bersama JKKK Rumah Panjang Richard Nujung.



Antara mereka yang hadir menyaksikan Majlis Perasmian Segandingan Kita Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia.



Sesi mewarna yang berlangung sepanjang hari perasmian.



Barisan tetamu kehormat yang menghadiri Majlis Perasmian Segandingan Kita Membaca 1Malaysia: Aram Kitai Macha 1Malaysia.



YBhg Dato' Raslin menyampaikan cenderahati kepada YB Dato' Joseph.

SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK 1MALAYSIA

BERDASARKAN kepada fakta-fakta sedia ada, Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia yang pertama telah dianjurkan oleh International Union For Child Welfare pada tahun 1953 dan diiktirafkan oleh UNICEF (United Nations Children's Fund) pada tahun 1954 dan hanya pada 20 November 1959 PBB telah mengistiharkan Hari Kanak-Kanak Sedunia dan meminta semua negara merayakannya pada setiap tahun.

Di Malaysia Perayaan Hari Kanak-Kanak Sedunia telah mula disambut pada 8 Oktober 1959 bertempat di Stadium Negara Kuala Lumpur iaitu sebaik sahaja PBB mengistiharkannya sebagai hari untuk persaudaraan sejagat dan kefahaman di kalangan kanak-kanak seluruh dunia. Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) telah diamanahkan untuk menganjurkan majlis sambutan ini mulai tahun 1960 sehinggalah tahun 1994. Namun begitu tahun 1995 menyaksikan tugas-tugas penganjuran ini telah diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).

Program Sambutan Hari Kanak-Kanak 1Malaysia Sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia yang dijayakan pada 15 Oktober 2009 merupakan program yang diadakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bersempena dengan sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia yang disambut pada mana-mana hari Sabtu di dalam bulan Oktober setiap tahun. Melalui program ini secara tidak langsung dapat memupuk budaya membaca di kalangan kanak-kanak dan seterusnya memberi satu pengalaman baru yang menyeronokkan kepada mereka. Majlis pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan kanak-kanak tentang keseronokan membaca, membentuk persekitaran membaca yang selesa dan seterusnya memupuk tabiat membaca sepanjang hayat agar dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berfikiran kreatif.

Aktiviti yang dijalankan dalam program ini termasuk Aktiviti Mari Membaca Bersama, Persembahan Kraftangan oleh Mama Gajah, persembahan badut dan silap mata, Pertandingan mewarna, Jualan buku kanak-kanak, Sesi Sand Art, Demonstrasi membuat boneka oleh Encik Syukri Edrus, pendaftaran keahlian PNM, Pendaftaran keahlian Kelab Membaca Sinar Pintar, persembahan kanak-kanak Tabika KEMAS dan Persembahan Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Cacat penglihatan).

SEKITAR AKTIVITI



Persembahan Selamat Datang yang dijayakan oleh kanak-kanak sebagai menyambut ketibaan Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.



Timbalan Menteri KPKK dan KP PNM turut menjayakan Sesi Mari Membaca Bersama.



Salah seorang peserta Sesi Mari Membaca Bersama menceritakan kembali cerita yang dibaca.



Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kanak-kanak 1Malaysia disempurnakan oleh YB Senator Heng Sea Kie, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.



Sebahagian Tetamu Kenamaan dan kanak-kanak yang menghadiri Sambutan Hari Kanak-kanak 1Malaysia.



Nyanyian lagu Budaya Membaca dinyanyikan bersama oleh Tetamu Kehormat yang hadir.

KONVENSYEN PERPUSTAKAAN DESA 2009

KONVENSYEN Perpustakaan Desa 2009 telah berlangsung dengan jayanya di The Zon Regency Hotel, Johor Bahru, Johor pada 15 - 16 Mac 2009. Konvensyen ini telah dihadiri oleh seramai hampir 1,000 orang peserta yang terdiri daripada petugas perpustakaan desa, ahli Jawatankuasa Kerja Kampung (JKKK), penghulu, petugas KEMAS, petugas FELDA dan pegawai serta kakitangan Perpustakaan Awam Negeri. Konvensyen besar-besaran yang diadakan buat pertama kalinya telah dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal, Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia pada 15 Mac 2009 jam 2.30 petang. Tema Masyarakat Membaca Masyarakat Berilmu telah dipilih memandangkan pengguna perpustakaan Desa merupakan komuniti yang penting di dalam menampakkan impak yang cukup besar pada kempen membaca. Adalah menjadi hasrat Perpustakaan Negara Malaysia untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang gemar membaca sekaligus melahirkan bangsa Malaysia yang kaya ilmu pengetahuan seperti yang diharapkan untuk mencapai wawasan 2020. Malah hasrat ini telah disuarakan oleh Encik Kamaruddin Mat Nata pada sesi taklimat program Door to Door pada malam 14 Mac 2009 di Hotel Selesa yang dihadiri oleh semua peserta.

Forum Memperkasa Perpustakaan Desa Sebagai Pusat Kegiatan Ilmu dan Pembelajaran Sepanjang Hayat telah diadakan selesai sahaja sesi ucaptama Masyarakat Membaca Masyarakat Berilmu oleh YBhg. Datuk Dr. Muzahet bin Masruri, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Sesi forum ini telah dipengerusikan oleh Tuan Sayed Munawar Syed Mohd. Mustar Al-Jamalullail dan diperkemaskan lagi oleh barisan panel yang berwibawa membincangkan tajuk ini iaitu YBhg Encik Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBrs Encik Uthaya Sankar SB dan YBhg Sahibul Fadhilah Ustaz (Dr.) Muhammad Uthman El-Muhammady, Fellow Amat Kehormat Akademik Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Kemudahan teknologi tidak dikebelakangkan kerana penggunaannya boleh menyemarakkan lagi prasarana dan kemudahan perpustakaan desa kepada pengguna melalui forum pada 16 Mac 2009 dengan tajuk menyemarakkan Perpustakaan Desa Melalui ICT yang disampaikan oleh YBhg Datuk Dr. Halim bin Shafie, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Peranan penting petugas perpustakaan desa bagi menyemarakkan lagi program kempen membaca telah disentuh oleh Puan Filzah Ibrahim melalui ceramah beliau yang berjudul, Peranan Sukarelawan dalam Pelaksanaan Kempen Membaca di Perpustakaan Desa. Diikuti oleh persembahan bersama penghulu merangkap pengerusi Jawatankuasa Perpustakaan Desa dan petugas Perpustakaan Desa Kampung Hilir sungai Petani Kedah mengenai Perpustakaan Kampung Hilir, Sekilas Pandang.

Penganjuran Konvensyen ini yang bertujuan mewujudkan jalinan kerjasama dan mengeratkan lagi hubungan di antara Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri dan agensi kerajaan seperti KEMAS dan FELDA ke arah mempertingkatkan amalan dan tabiat membaca di kalangan masyarakat luar bandar dan pinggir bandar telah mendapat kerjasama sepenuhnya dari Perbadanan Perpustakaan Awam Johor.

SEKITAR AKTIVITI



YB Dato' Seri Hj. Mohd. Shafie bin Hj. Apdal menerima replika Perpustakaan Desa dari Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.



Forum Memperkasa Perpustakaan Desa.



Tetamu Kehormat yang hadir pada Konvensyen Perpustakaan Desa.



PRORAM GALAKAN MEMBACA PERINGKAT PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI

JOHOR

1. **Aktiviti Mewarna Sempena Lawatan Tadika**
   Tarikh : 31 Januari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Aktiviti : Mewarna
   Kehadiran : 50 orang

2. **Aktiviti Bercerita Sempena Lawatan Tadika**
   Tarikh : 31 Januari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Aktiviti : Bercerita
   Kehadiran : 50 orang

3. **Aktiviti Bercerita dan Melukis Sempena Lawatan Prasekolah**
   Tarikh : 4 Februari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Aktiviti : Bercerita dan Melukis
   Kehadiran : 100 orang

4. **Melukis Potret Bersama Pakcik Sam**
   Tarikh : 4 Februari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Aktiviti : Melukis
   Kehadiran : 40 orang

5. ***An Hour With Knowledge Discovery***
   Tarikh : 14 Februari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Kehadiran : 120 orang

6. **Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Bandar Penawar**
   Tarikh : 18 Februari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Kehadiran : 42 orang

7. **Melukis Pemandangan Bersama Pakcik Sam**
   Tarikh : 19 Februari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Kehadiran : 40 orang

8. **Sesi Perkenalan Bersama Petrosains Playsmart Johor**
   Tarikh : 23 Februari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Kehadiran : 30 orang

9. **Program Sembang-sembang Sains Playsmart Johor**
   Tarikh : 25 Februari 2009
   Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
   Kehadiran : 50 orang

10. **Bengkel UPSR Dengan Kerjasama PPD Johor dan YPK**
    Tarikh : 28 Februari 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 100 orang

11. **Melukis Bersama Tadika Prasekolah**
    Tarikh : 13 Mac 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 50 orang

12. **Konvensyen Perpustakaan Desa**
    Tarikh : 14 - 16 Mac 2009
    Tempat : The Zone Regency Hotel
    Kehadiran : 1,200 orang

13. **Reading Days**
    Tarikh : 15 - 16 Mac 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 500 orang

14. **Aktiviti Bersama Prasekolah Setiap Hari Khamis dan Pertunjukan Sains oleh Petrosains**
    Tarikh : 2 April 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bukit Gambir
    Kehadiran : 200 orang

15. **Hari Buku Kanak-kanak Antarabangsa, Jualan Buku, Pameran Buku Kanak-kanak, Mewarna Bersama SAM G, Melukis dan Mewarna Bersama SAM G dan Aktiviti Bercerita dan Melukis**
    Tarikh : 4 - 6 April 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Taman Universiti
    Kehadiran : 1,200 orang

16. **Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu SRJK Cina Sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor 2009**
    Tarikh : 7 April 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Segamat
    Kehadiran : 72 orang

17. **Aktiviti Bercerita dan Melukis Sempena Lawatan**
    Tarikh : 7 April 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 50 orang

18. **Pertandingan Deklamasi Sajak Sekolah Rendah**
    Tarikh : 22 April 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Taman Universiti
    Kehadiran : 50 orang

19. **Pertandingan Deklamasi Sajak Sekolah Menengah**
    Tarikh : 23 April 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Taman Universiti
    Kehadiran : 52 orang

20. **Pesta Buku Negeri Johor 2009**
    Tarikh : 27 Mei - 1 Jun 2009
    Tempat : Danga City Mall, Johor Bahru
    Kehadiran : 24,000 orang

21. **Batik D. I. Y**
    Tarikh : 19 Jun 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Taman Universiti
    Kehadiran : 20 orang

22. ***Happy Reading Day***
    Tarikh : 21 Jun 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 300 orang

23. **Aktiviti Bercerita dan Melukis**
    Tarikh : 23 Jun 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 55 orang

24. **Aktiviti Mewarna Sempena Lawatan Tadika Desa Harmoni**
    Tarikh : 8 Julai 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 82 orang

25. **Pertandingan Catur Bistari**
    Tarikh : 11 Julai 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
    Kehadiran : 100 orang

26. **"Jom Kita Ke Perpustakaan"**
    Tarikh : 14 Julai 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Segamat
    Kehadiran : 205 orang

27. **Pertandingan Catur Bistari**
    Tarikh : 18 Julai 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bandar Tenggara
    Kehadiran : 160 orang

28. **Pertandingan Catur Bistari**
    Tarikh : 18 Julai 2009
    Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Pontian
    Kehadiran : 110 orang

29. **Program Mesra Perpustakaan Setiap Minggu Kedua dan Keempat Setiap Bulan**
Tarikh : 25 Julai 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor
Kehadiran : 500 orang

30. **"Jom Kita Ke Perpustakaan"**
Tarikh : 25 Julai 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Segamat
Kehadiran : 1,030 orang

31. **Mewarna Bersama Tadika**
Tarikh : 30 Julai 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bukit Gambir
Kehadiran : 60 orang

32. **"Jom Kita Ke Perpustakaan"**
Tarikh : 31 Julai 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Segamat
Kehadiran : 340 orang

33. **Bersama Masyarakat**
Tarikh : 31 Julai 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Dan *Community Policing*
Kehadiran : 500 orang

34. **Pertandingan Catur Bistari**
Tarikh : 1 Ogos 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Segamat
Kehadiran : 156 orang

35. **Pertandingan Pidato Pencegahan Rasuah Daerah Segamat 2009**
Tarikh : 6 Ogos 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Segamat dan PPD Daerah Segamat
Kehadiran : 55 orang

36. **Konvensyen Doktor Muda Daerah Segamat**
Tarikh : 15 Ogos 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Segamat dan PPD Daerah Segamat
Kehadiran : 60 orang

37. ***Kid's World***
Tarikh : 17 Ogos 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Johor dan IPTI
Kehadiran : 160 orang

KEDAH

1. **Hari Karnival Perpustakaan Desa Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah**
Tarikh : 10 Januari 2009
Tempat : Perpustakaan Desa Kampung Paya Kerchut, Pendang
Aktiviti : Pertandingan Mewarna, Pertandingan Congkak, Pertandingan Karom, Pertandingan Batu Selambut, Pertandingan Gubahan Tuala dan Masakan, Pameran Perpustakaan, Kempen Kesihatan, Kuiz
Perasmi : YB Dr. Hamdan bin Mohamed Khalid, SDK Exco Belia dan Sukan, Kesenian dan Warisan Kebudayaan Negeri Kedah Darulaman Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Penyertaan : 300 orang
PD Kampung Paya Kerchut
PD Lubuk Merbau Kampung Gajah Puteh
PD Jelutong
PD Lubuk Merbau
PD Hujung Bandar
PD KEDA Bendang Perang
PD Sungai Tiang
PD Kampung Jelai
PD Kepala Bukit
PD Banggol Besi
PD Bendang Raja
PD KEDA Lahar Tunjung

2. **Kempen Kesihatan dan Pameran Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, Jalan Tanjung Bendahara, Alor Setar**
Tarikh : 5 Februari 2009
Tempat : Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, Jalan Tanjung Bendahara, Alor Setar
Aktiviti : Kempen Kesihatan, Pameran dan Kuiz, Perkhidmatan e-pustaka
Penyertaan : 138 orang

3. **Majlis Perasmian Perpustakaan Awam Merbok**
Tarikh : 15 Februari 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Merbok
Aktiviti : Bercerita Bersama Cik Jawahir
Perasmi : YB Dato' Seri Haji Mohd. Shafie Bin Haji Apdal Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia
Kehadiran : 500 orang

4. **Bengkel Pendidikan Pengguna Perpustakaan Awam Pekan Sik**
Tarikh : 18 Februari 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Pekan Sik
Aktiviti : Bengkel Pendidikan Pengguna, Promosi Perpustakaan, Pameran Perpustakaan
Penyertaan : 100 orang peserta dan 5 orang guru

5. **Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Titi Akar, Pendang, Kedah**
Tarikh : 21 Februari 2009
Tempat : Perpustakaan Desa Kampung Tok Set dan Titi Akar, Pendang
Aktiviti : Pertandingan Mewarna, Pertandingan Dam dan Congkak, Persembahan Kebudayaan, Konvoi Kenderaan Bermotor
Perasmi : YBhg. Datuk Dr. Halim Shafie Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

6. **Bengkel Pendidikan Pengguna - Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah**
Tarikh : 25 Februari 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Aktiviti : Bengkel Pendidikan Pengguna, Promosi Perpustakaan
Penyertaan : 140 orang peserta dan 3 orang guru

7. **Kempen Cara Hidup - Perpustakaan Desa Pulau Tuba, Langkawi (Kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dengan NGO)**
Tarikh : 14 Mac 2009
Tempat : Perpustakaan Desa Pulau Tuba, Langkawi
Aktiviti : Pertandingan Mewarna, Infohunt, kuiz
Perasmi : YB ADUN Langkawi
Kehadiran : 300 orang

8. **Karnival Introlib Perpustakaan Awam Merbok**
Tarikh : 23 - 24 Mac 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Merbok
Aktiviti : Pertandingan Mewarna, Pertandingan Gubahan Tuala dan Masakan, Pameran, Persembahan Boneka, Bercerita, Pemeriksaan Gigi
Perasmi : YBhg. Tuan Haji Hadzir bin Md. Zain Pengarah, Pejabat Pembangunan Negeri Kedah
Kehadiran : 300 orang

9. **Hari Bertemu Pelanggan (Kaunter Bertemu Pelanggan)**
Tarikh : 29 - 30 Mac 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Aktiviti : Promosi Kempen Kesihatan

10. Bengkel Pendidikan Pengguna - Perpustakaan Awam Kulim
Tarikh : 2 April 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Kulim
Aktiviti : Bengkel Pendidikan Pengguna, Promosi Perpustakaan
Penyertaan : 140 orang peserta dan 3 orang guru

11. Promosi Kempen Keahlian dan Taklimat Kelab Membaca Sinar Pintar, Bayan Budiman - Sekolah Kebangsaan Convent, Alor Setar
Tarikh : 7 April 2009
Tempat : Sekolah Kebangsaan Convent, Jalan Datuk Kumar, Alor Setar
Aktiviti : Kempen keahlian
Penyertaan : 138 orang

12. Promosi Kempen Keahlian dan Taklimat Penggunaan Bahan Perpustakaan dan Mylib - Maktab Mahmud Merbok
Tarikh : 9 April 2009
Tempat : Maktab Mahmud Merbok
Aktiviti : Promosi Perpustakaan, Kempen Keahlian, Pameran Perpustakaan, Kuiz
Penyertaan : 89 orang ahli dan 400 pelajar

13. Bengkel Pendidikan Pengguna Perpustakaan Desa Lubuk Merbau
Tarikh : 16 April 2009
Tempat : Perpustakaan Desa Lubuk Merbau
Aktiviti : Promosi Perpustakaan, Bengkel Pendidikan Pengguna, Kuiz
Penyertaan : 179 orang

14. Majlis Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia
Tarikh : 23 April 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Aktiviti : Promosi Kempen Keahlian, Pemulangan Buku Tanpa Denda, Ceramah Motivasi, Demostrasi Pemuliharaan Buku
Perasmi : Tuan Haji Abdullah Bin Saad, BCK Timbalan Pengarah Jabatan Pelajaran Kedah
Kehadiran : 300 orang

15. Promosi Kempen Keahlian Kelompok dan Pameran PPAK di SRIDA - Sekolah Rendah Islam Darul Aman
Tarikh : 25 April 2009
Tempat : Sekolah Rendah Islam Darul Aman
Aktiviti : Promosi Kempen Keahlian
Penyertaan : 52 orang

16. Bulan Semarak Jawi Perpustakaan Desa Kampung Gajah Puteh, Jeneri, Sik, Kedah
Tarikh : 25 April 2009
Tempat : Perpustakaan Desa Kampung Gajah Puteh, Jeneri, Sik, Kedah
Aktiviti : Pancing Huruf Jawi, Susun dan Tampal, Padankan Gambar dan Perkataan, Teka Silangkata, Tulis Rumi ke Jawi, Membaca Karangan dalam Tulisan Jawi, Tulisan Khat Semarak Jawi, Kotak Misteri, Pertandingan Busana Muslim, Cabutan Bertuah, Pameran Kesihatan, Anugerah Peminjam Terbanyak Kategori Dewasa dan Kanak-kanak, Persembahan Nasyid dan Koir.
Perasmi : Ketua Bahagian Rangkaian Perpustakaan
Penyertaan : 250 orang

17. Festival Filem Jepun
Tarikh : 28 - 30 April 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Aktiviti : Tayangan Filem Jepun
- Doraemon
- Waterboy
- Sanjuro

Demostrasi Origami dan Permainan Tradisional Jepun

18. Bengkel Pendidikan Pengguna SK Seri Amar Diraja
Tarikh : 13 Mei 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Aktiviti : Promosi Perpustakaan, Bengkel Pendidikan Pengguna, Kuiz
Penyertaan : 100 orang Pelajar dan 5 Guru Pengiring

19. Hari Penyayang dan Kelab Sinar Pintar PD Kampung Kilang Batu
Tarikh : 17 Mei 2009
Tempat : Perpustakaan Desa Kampung Kilang Batu
Aktiviti : Pertandingan Mewarna Pelajar Prasekolah dan KEMAS, Semarak Jawi - Menulis Jawi, Teka Kacang, Pameran Anti Dadah oleh AADK, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Taklimat Kelab Membaca Sinar Pintar, Pertandingan Masakan Kerabu, Aktiviti Interaktif Bersama Ibu Bapa dan Pelajar oleh Encik Rahim dari AADK
Perasmi : Dr. Zahidi Bin Dato' Haji Zainol Rashid Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Kehadiran : 200 orang

20. Majlis Bicara Karya
Tarikh : 23 Mei 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Baling
Aktiviti : Memperkenalkan Karya Sastera Kepada Pembaca, Menilai Karya Sastera Secara Ilmiah, Memupuk Minat Membaca dan Menghayati Karya Sastera Dengan Lebih Berkesan

21. Majlis Bicara Karya
Tarikh : 23 Jun 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Baling
Aktiviti : Memperkenalkan Karya Sastera Kepada Pembaca
Perasmi : YBhg. Encik Abdul Nasir Bin Mohd Razali Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara
Kehadiran : 160 orang

22. Pertandingan Jejak Maklumat Daerah Kuala Muda/Yan
Tarikh : 30 Jun 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Sungai Petani
Aktiviti : Aktiviti Pencarian Maklumat Menerusi Pelbagai Sumber
Penyertaan : 120 orang

23. Program "Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya"
Tarikh : 4 Julai 2009
Tempat : Perpustakaan Awam Langkawi
Aktiviti : Pertandingan Azan dan Hafazan, Majlis Pelancaran Pusat Komputer Perpustakaan Awam Langkawi, Kuiz, Tulisan Jawi, Bercerita, Nasyid, Infohunt, Ceramah Agama dan Senamrobik
Perasmi : Tuan Dr. Zahidi Bin Dato' Haji Zainol Rahid AMK., BKM Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Kehadiran : 300 orang

24. Pertandingan Jejak Maklumat Daerah Padang Terap dan Pendang
Tarikh : 15 Julai 2009
Tempat : PKG Tokai/Sekolah Kebangsaan Haji Abdul Rahman Tokai
Aktiviti : Aktiviti Pencarian Maklumat Menerusi Pelbagai Sumber
Penyertaan : 120 orang

25. Kempen Keahlian Kelompok dan Pameran PPAK di Program Zoom Asma
Tarikh : 18 Julai 2009
Tempat : Sekolah Menengah Sultanah Asma
Aktiviti : Kempen Keahlian Kelompok, Pameran Perpustakaan, Pameran Perkhidmatan Bas Bergerak
Penyertaan : 14 orang mendaftar sebagai ahli

26. Kempen Keahlian Kelompok dan Pameran PPAK di Hari Kokurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz
Tarikh : 19 Julai 2009
Tempat : Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Simpang Empat
Aktiviti : Kempen Keahlian Kelompok, Pameran Perpustakaan, Pameran Perkhidmatan Bas Bergerak dan e-Pustaka
Penyertaan : 35 orang mendaftar sebagai ahli

27. Pertandingan Mewarna Sempena Festival Kedah Sejahtera
Tarikh : 23 Julai 2009
Tempat : Bandar Laguna Merbok, Sungai Petani
Aktiviti : Pertandingan Mewarna
Penyertaan : 120 orang

28. Ahli Aktif dan Peminjam Terbanyak Kelab Membaca Sinar Pintar : Bayan Budiman
Tarikh : 3 Oktober 2009
Tempat : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Aktiviti : Penyampaian Hadiah Ahli Aktif dan Peminjam Terbanyak
Kehadiran : 250 orang

29. Kempen Keahlian dan Taklimat Penggunaan Bahan Perpustakaan dan Mylib
Tarikh : 19 Oktober 2009
Tempat : Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah
Aktiviti : Kempen Keahlian, Taklimat Perpustakaan, Bahan Rujukan dan Mylib
Penyertaan : 1,111 orang (21 orang mendaftar sebagai ahli dan 1,090 hadir taklimat)

30. Program Aktiviti Galakan Membaca : Komuniti Sihat Berdaya, Desa Ceria Berjaya
Tarikh : 22 Oktober 2009
Tempat : Perpustakaan Desa Kampung Kepala Bukit, Pendang
Aktiviti : Pertandingan Mewarna Pelajar Prasekolah dan KEMAS, Pertandingan Menulis Tulisan Jawi, Pertandingan Infohunt, Pertandingan Gubahan Tuala dan Bahan Terbuang, Permainan Tradisional : Pertandingan Dam dan Congkak, Kuiz Kesihatan Bersama Encik Yusof
Perasmi : Tuan Dr. Zahidi Bin Dato' Haji Zainol Rashid Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Penyertaan : 280 orang

31. Kempen Keahlian Kelompok Jabatan Pelajaran Negeri Kedah
Tarikh : 8 - 9 November 2009
Tempat : Jabatan Pelajaran Negeri Kedah
Aktiviti : Kempen Keahlian Kelompok
Kehadiran : 22 orang

32. Kempen Keahlian Kelompok Sekolah Kebangsaan Tamil Barathy
Tarikh : 19 November 2009
Tempat : SK (T) Barathy
Aktiviti : Kempen Keahlian Kelompok
Keahlian : 47 orang

33. Pertandingan Mewarna Oleh Pelatih UiTM Sempena Cuti Sekolah
Tarikh : 17 Disember 2009
Tempat : Bahagian Kanak-kanak, Sirkulasi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Aktiviti : Pertandingan Mewarna Tahap 1 dan 2, Kuiz

KELANTAN

1. Majlis Bersama Pemimpin di Dabong, Kuala Krai, Kelantan
Tarikh : April 2009
Tempat : Dewan Majlis Daerah Dabong dan Perpustakaan Desa Dabong, Kuala Krai, Kelantan
Aktiviti : Mewarna (Tadika/Prasekolah), Kuiz Jawi (Sekolah Rendah), Spelling Contest (Menengah Bawah), Pameran Perpustakaan Bergerak (Terbuka)
Perasmi : YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
Kehadiran : 600 orang (100 orang peserta dan 500 orang pengunjung)

2. Ceramah Agama
Tarikh : 22 April 2009
Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Ceramah bertajuk "Menuntut Ilmu Dari Buaian Hingga Ke Liang Lahad"
Kehadiran : 30 orang (kakitangan PPAK)

3. Aktiviti Mewarna Sempena Lawatan Sekolah Kebangsaan Morak, Tumpat, Kelantan
Tarikh : 29 April 2009
Tempat : Bilik Aktiviti Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Mewarna
Kehadiran : 38 orang

4. Aktiviti Mingguan Setiap Minggu
Tarikh : 16 Mei 2009
Tempat : Bilik Aktiviti Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Pertandingan Membuat Kad Kreatif Sempena Hari Guru dan Hari Ibu dengan tema : Kasih Sayang Terhadap Ibu dan Guru
Kehadiran : 20 orang

5. Aktiviti Mingguan Setiap Sabtu
Tarikh : 23 Mei 2009
Tempat : Bilik Aktiviti Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Library Hunt dengan tema : Kenali Gedung Ilmu
Kehadiran : 35 orang

6. Aktiviti Mingguan Setiap Sabtu
Tarikh : 30 Mei 2009
Tempat : Bilik Aktiviti Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Bina Kata dengan tema : Generasi Cerdik, Negara Gemilang
Kehadiran : 20 orang

7. Aktiviti Mingguan Setiap Sabtu
Tarikh : 13 Jun 2009
Tempat : Bilik Aktiviti Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Spelling Contest dengan tema : Sayangi Alam Sekitar
Kehadiran : 20 orang

8. Aktiviti Mingguan Setiap Sabtu
Tarikh : 20 Jun 2009
Tempat : Bilik Aktiviti Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Mewarna dan Teka Silangkata dengan tema : Bahasa Kita Budaya Kita
Kehadiran : 35 orang

9. Aktiviti Mingguan Setiap Sabtu
Tarikh : 27 Jun 2009
Tempat : Bilik Aktiviti Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Aktiviti : Mewarna
Kehadiran : 28 orang

MELAKA

1. **Seminar Belia (Peranan 1 Belia 1 Malaysia Dalam Memperkasakan Kedaulatan Negara) - Kerjasama JAPERUN Rim dan Biro Tatanegara Cawangan Melaka**
   Tarikh : 15 Ogos 2009
   Tempat : Dewan Serbaguna Perpustakaan Awam Cawangan Jasin
   Aktiviti : Seminar
   Perasmi : Y.B. Encik Mohd Yazed Bin Haji Khamis ADUN Rim
   Kehadiran : 100 orang

NEGERI SEMBILAN

1. **Lawatan Pelajar dan Guru SMK Batu Kikir (Model Khas)**
   Tarikh : 21 Januari 2009
   Tempat : Perpustakaan Awam Daerah Jempol

2. **Pertandingan Pembaca Terbanyak Bulan Januari**
   Tarikh : 31 Januari 2009
   Tempat : Perpustakaan Daerah Jelebu
   Sasaran : 3 orang

3. **Pertandingan Teka Silangkata Ayat Jawi**
   Tarikh : 11 Februari 2009
   Tempat : Perpustakaan Awam Daerah Jempol

4. **Pertandingan Pembaca Terbanyak Bulan Februari**
   Tarikh : 28 Februari 2009
   Tempat : Perpustakaan Daerah Jelebu
   Sasaran : 3 orang

5. **Pertandingan Pembaca Terbanyak Bulan Mac**
   Tarikh : 28 Februari 2009
   Tempat : Perpustakaan Daerah Jelebu
   Sasaran : 3 orang

6. **Pertandingan Pintar Bahasa**
   Tarikh : 19 Mac 2009
   Tempat : Perpustakaan Awam Daerah Jempol

7. **Program Semarak Ilmu Di Sekolah Kebangsaan Undang Abdullah, Chennah**
   Tarikh : 15 April 2009
   Tempat : Perpustakaan Daerah Jelebu

8. **Pertandingan Bercerita Peringkat Daerah Port Dickson**
   Tarikh : 18 April 2009
   Tempat : Perpustakaan Daerah Port Dickson
   Aktiviti : Bercerita

9. **Pertandingan Bercerita Peringkat Daerah Kuala Pilah**
   Tarikh : 25 April 2009
   Tempat : Perpustakaan Daerah Kuala Pilah
   Aktiviti : Bercerita
   Sasaran : Pelajar Tahap 2

10. **Pertandingan Bercerita Peringkat Daerah Rembau**
    Tarikh : 27 April 2009
    Tempat : Perpustakaan Awam Daerah Rembau
    Aktiviti : Bercerita

11. **Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu Tahap 2 Sekolah Rendah Peringkat Daerah Jempol Tahun 2009**
    Tarikh : 29 April 2009
    Tempat : Perpustakaan Awam Daerah Jempol
    Peserta : 16 orang

12. **Pertandingan Pembaca Terbanyak Bulan April**
    Tarikh : 30 April 2009
    Tempat : Perpustakaan Daerah Jelebu
    Sasaran : 3 orang

PAHANG

1. **Ayuh Kenali Perpustakaan**
   Tarikh : 14 Januari 2009
   Tempat : Bilik Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Aktiviti : Taklimat ringkas mengenai perpustakaan kepada kanak-kanak
   Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Kehadiran : 50 orang

2. **Moh Lihat *Puppet***
   Tarikh : 21 Januari 2009
   Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Aktiviti : Sesi Bercerita Dengan *Puppet*
   Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Kehadiran : 55 orang

3. **Bersukaria Bersama *Puppet***
   Tarikh : 17 Februari 2009
   Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Aktiviti : Persembahan Puppet "Kisah dan Teladan"
   Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Kehadiran : 50 orang

4. **Jom Baca Jom Cerita**
   Tarikh : 18 Februari 2009
   Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Aktiviti : Bercerita daripada buku yang dibaca
   Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Kehadiran : 50 orang

5. **Kuiz Lambung Jawab Menang**
   Tarikh : 17 Mac 2009
   Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Aktiviti : Aktiviti menduga akal
   Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Kehadiran : 50 orang

6. **Sihatkan Diri Dengan Aerobik**
   Tarikh : 18 Mac 2009
   Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Aktiviti : Senam aerobik
   Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Kehadiran : 30 orang

7. **Adik Bebas Bermain... Congkak/Karom/Falling Down**
   Tarikh : 19 Mac 2009
   Tempat : Bilik Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Aktiviti : Permainan Congkak, Karom dan Falling Down
   Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
   Kehadiran : 60 orang

8. Silap Mata Bersama Ama Risa
Tarikh : 20 Mac 2009
Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Aktiviti : Aksi silap mata
Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Kehadiran : 60 orang

9. Adik Bebas Bermain... Congkak
Tarikh : 2 Disember 2009
Tempat : Bilik Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Aktiviti : Aksi silap mata
Kehadiran : 30 orang

10. Teka Jumlah Muka Surat Buku
Tarikh : 3 Disember 2009
Tempat : Bilik Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang

11. Origami Untuk Adik-adik
Tarikh : 8 Disember 2009
Tempat : Bilik Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Penyertaan : 20 orang

12. Tayangan Perdana
Tarikh : 9 Disember 2009
Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang

13. Kotak Beracun Hikmat
Tarikh : 9 Disember 2009
Tempat : Bilik Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Penyertaan : 30 orang

14. Tonjolkan Bakat Adik-adik Dalam Deklamasi Sajak (Tema : 1Malaysia)
Tarikh : 17 Disember 2009
Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Penyertaan : 30 orang

15. Bersuka Ria Bersama Puppet
Tarikh : 22 Disember 2009
Tempat : Dewan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Aktiviti : Bercerita Menggunakan Puppet : Tajuk "Kisah dan Teladan"
Perasmi : Puan Hajah Faridzah binti Jaafar Pemangku Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
Penyertaan : 50 orang

16. Kad Gergasi Ucapan Tahun Baru 2010
Tarikh : 29 Disember 2009
Tempat : Bilik Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang

AKTIVITI PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JENGKA

17. Lipat-lipat Ketupat
Tarikh : 24 November 2009
Tempat : Bahagian Kanak-kanak Perpustakaan Awam Cawangan Jengka
Kehadiran : 50 orang

18. Kad Istimewa Ibu/Bapa Tersayang
Tarikh : 25 November 2009
